

**DASAR
BELIA
MALAYSIA**

www.kbs.gov.my

DASAR BELIA MALAYSIA



KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN

- Perdana Menteri Malaysia **004**
- Menteri Belia Dan Sukan Malaysia **005**
- Ketua Setiausaha Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia **006**
- Presiden Majlis Belia Malaysia **007**

RINGKASAN EKSEKUTIF **008**

BAB 1: PENDAHULUAN

- Latar Belakang **018**
- Pendekatan **022**

BAB 2: BELIA MALAYSIA MASA KINI

- Sepintas Lalu: Statistik Berkaitan Belia **028**
- Karakter Belia Malaysia **029**
- Cabaran Belia Malaysia **031**

BAB 3: KERANGKA DAN KONSEP DASAR BELIA MALAYSIA

- Penyataan Dasar **050**
- Matlamat DBM **051**
- Konsep I : Had Umur Setara Piawaian Antarabangsa **052**
- Konsep II : Holistik Dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara **062**
- Konsep III : Futuristik, Relevan Dan Terkini **092**
- Konsep IV : Merentas Pelaksana Dan Generasi **108**
- Ringkasan Konsep DBM **122**

BAB 4: KE ARAH 2035

- Strategi Pelaksanaan DBM **126**
- Pengukuhan dan Penyerlahan Potensi Menerusi Ekosistem Pendayaupayaan Belia **127**
- Struktur KBS Sebagai Penyelaras Pembangunan Belia **129**

BAB 5: PENUTUP

- DBM Sepintas Lalu **132**
- Kesimpulan **133**

Sesungguhnya, era globalisasi membawa kita ke persekitaran masa hadapan yang penuh dengan pelbagai cabaran dan tentangan. Golongan belia masa kini tidak terlepas daripada berhadapan dengan cabaran teknologi, ekonomi, sosial dan politik, yang akan mencabar kemampuan dan ketahanan mereka. Sebagai pewaris kesinambungan kepemimpinan negara pada masa hadapan, belia mesti bersiapsiaga dengan pelbagai persediaan dan kelengkapan yang secukupnya, umpama para pejuang yang sentiasa berlatih bagi menghadapi musuh di medan perjuangan.

Justeru, saya yakin KBS sentiasa peka akan persekitaran semasa dan telah merangka pelbagai inisiatif serta program yang mampu membentuk golongan belia yang berwibawa, dinamik dan progresif, termasuklah menyediakan dasar yang holistik bagi memantapkan pembangunan belia Malaysia.

Sehubungan itu, Dasar Belia Malaysia atau DBM merupakan satu dasar menyeluruh yang merangkumi kesemua kelompok belia serta bidang keutamaan yang menjadi tonggak kepada pembinaan jati diri dan modal insan belia. DBM berupaya menjadi paksi dan petunjuk kepada pembangunan belia yang mapan melalui teras serta strategi DBM yang telah digariskan.

Melalui DBM juga, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada golongan belia yang merupakan antara aset terpenting negara bagi menyambung warisan kepimpinan Malaysia pada masa hadapan. Dalam pada itu, saya menyeru agar golongan belia menyelami serta mendalami intipati DBM agar kita dapat bersama-sama berganding bahu untuk membentuk masa hadapan negara yang lebih cemerlang.

Akhir kalam, saya berharap dan sentiasa mendoakan agar segala usaha murni ini akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada KBS yang telah menghasilkan buku DBM ini dan seterusnya memastikan pembangunan belia mencapai objektif seperti yang disasarkan. Semoga pembangunan belia di Malaysia dapat direncana dan dilaksanakan dengan penuh jayanya.



YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak

Buku Dasar Belia Malaysia (DBM) ini merupakan pengemaskinian dan penambahbaikan kepada Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) 1997. Penambahbaikan dasar berkaitan dengan belia di negara ini dilihat amat wajar dan selari dengan persekitaran semasa serta Program Transformasi Belia Negara yang telah diumumkan dalam ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri. Di samping itu, pernyataan dasar sedia ada perlu dikaji semula dari sudut kerangka kerja dan strategi pelaksanaan agar ianya relevan dalam konteks dunia pembangunan belia alaf baru tanpa menjejaskan matlamat asas dasar yang telah digubal sebelumnya.

Buku ini mengandungi pernyataan DBM serta penghuraian mekanisme pelaksanaan dasar-dasar utama yang menyokong program pembangunan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta pemegang taruh yang lain. Dasar serta strategi pelaksanaan sedia ada telah dimurnikan dan diberi suntikan nafas baru.

Buku DBM ini seharusnya dijadikan rujukan utama dalam kalangan semua pemegang taruh belia sama ada di peringkat penggubal mahupun pelaksana dasar. KBS selaku penggubal dasar telah mewujudkan DBM sebagai rujukan, panduan serta landasan penyelarasan program pembangunan belia di Malaysia yang merentas kesemua agensi atau organisasi yang berkaitan.

Kesemua pihak telah memainkan peranan serta menunjukkan kesepaduan dalam memberikan komitmen yang tinggi semasa proses penggubalan dasar ini. Dasar ini telah turut mengambil kira cabaran pembangunan belia di peringkat global serta keperluan pembangunan belia dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Cabaran globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat serta komunikasi di alaf ini menuntut KBS mewujudkan pentas pembangunan belia yang seimbang merentas aspek sosio demografi belia.

Sehubungan itu, KBS mempunyai harapan yang tinggi untuk melihat DBM menjadi antara dasar utama negara, terutamanya dari perspektif pembangunan modal insan golongan belia. Dasar ini wajar dijadikan tulang belakang dan panduan kesemua pemegang taruh termasuk kepimpinan negara, agensi kerajaan, sektor swasta, agensi penyelidikan, pertubuhan belia, badan bukan kerajaan, masyarakat, institusi keluarga dan individu belia itu sendiri.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan yang begitu besar dan positif dalam menyediakan dasar ini. Maklum balas, pandangan serta idea yang telah dilontarkan amatlah saya hargai dan semoga hasrat murni kita dalam membangunkan belia berteraskan DBM ini terlaksana dengan jayanya dan diberkati Allah S.W.T.



Khairy Jamaluddin

KATA ALU-ALUAN

Ketua Setiausaha Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia

Kuasa dan suara belia amat besar pengaruhnya. Memperkasakan peranan belia adalah menjadi tanggungjawab bersama dalam memastikan belia Malaysia mencapai sasaran seperti yang dikehendaki oleh kerajaan iaitu mendidik dengan keilmuan dan kemahiran serta membentuk belia menjadi seorang yang berjaya secara holistik. Umum mengetahui, transformasi sosial yang berlaku pada abad ini telah memberikan implikasi yang besar kepada gaya pemikiran dan gaya hidup generasi belia kini. Isu dan cabaran yang dihadapi golongan belia hari ini adalah manifestasi persekitaran yang terbentuk seiring dengan kemajuan ekonomi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa perkembangan pesat yang dihadapi negara kini banyak memberikan kesan yang positif kepada belia.

Golongan belia bukan sahaja generasi pewaris tetapi nadi dan indikator keadaan sesebuah negara. Maju atau mundur ekonomi negara, perubahan nilai dan budaya, struktur pekerjaan dan konsep kenegaraan dicerminkan oleh generasi belia. Oleh itu, KBS merasakan pendekatan dan pengisian pembangunan belia perlukan kelainan agar ia seiring dengan perubahan persekitaran semasa dan selaras dengan transformasi negara yang dilaksanakan kini.

Dengan itu, KBS dengan kerjasama kesemua pemegang taruh telah menghasilkan Dasar Belia Malaysia (DBM) yang diyakini adalah sebuah dasar yang menjadi tulang belakang dan panduan dalam memperkasakan pembangunan golongan belia negara. Dengan konsep dan perspektif yang holistik dalam DBM, saya percaya dasar ini berupaya menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia sehingga ke peringkat antarabangsa. Saya percaya DBM yang dilaksanakan ini membolehkan golongan belia dibangunkan dengan lebih komprehensif khususnya dalam menyahut serta menghadapi cabaran politik, ekonomi, sosial dan teknologi.

Sehubungan itu, dalam menjayakan misi dan visi dasar ini, kerjasama yang padu amat diperlukan daripada semua pemegang taruh serta penggiat pembangunan belia di Malaysia. Tanggungjawab dan kerjasama yang erat tersebut adalah jambatan penghubung yang mampu memangkin iltizam serta semangat kecemerlangan di kalangan belia yang berbilang bangsa, agama dan kepercayaan, dalam usaha melahirkan modal insan belia berminda kelas pertama.

Dengan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Team Pakar DBM, agensi kerajaan, pertubuhan belia, belia dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Semoga segala usaha dan niat murni kita bersama dalam memastikan pembangunan belia dapat direalisasikan dengan jayanya serta diberkati oleh Allah S.W.T.



YBhg. Datuk Jamil Bin Salleh

KATA ALU-ALUAN

Presiden Majlis Belia Malaysia

Kesinambungan serta kelangsungan sesebuah negara dan bangsa ditentukan oleh generasi mudanya. Sebagai aset negara, elemen ini sangat penting ke arah menentukan pembangunan sesuatu negara dan bangsa dapat diteruskan.

Sebagai kelompok terpenting maka usaha meningkatkan potensi, penyerlahan bakat, pengukuhan jati diri, penyegaran pemikiran dan keterampilan kepimpinan perlu dibina dan ditingkatkan. Ini seiringan dengan semarak cita-cita melalui penonjolan idealisme, aktivisme dan intelektualisme yang merupakan ciri dan citra orang muda.

Dasar Belia Malaysia merupakan pernyataan jauh dalam usaha pembangunan belia di negara ini. Seiringan dengan perubahan zaman dan cabaran mendatang yang kompleks, penyesuaian dan transformasi terhadap pendekatan baru dalam misi pembangunan belia merupakan ciri utama dasar ini.

Proses perubahan ini bertujuan memastikan agar usaha pembangunan belia di negara ini terus dimartabatkan. Ia meliputi peningkatan keupayaan belia dalam rangkaian arus penjana dapat diperkukuhkan lagi. Pembangunan kepimpinan melalui organisasi belia dan pelbagai saluran adalah teras utama serta kayu ukur penting dalam merealisasikan cita-cita ini.

Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Kementerian Belia Dan Sukan atas kejayaan menerbitkan buku Dasar Belia Malaysia ini. Dengan adanya inisiatif ini, ia menjadi panduan yang komprehensif dalam usaha pembangunan belia secara menyeluruh di negara ini.


Bersamalah kita membangunkan belia dengan semangat dan nyalarasa yang murni.



Mua'amar Ghadafi Jamal Jamaludin

RINGKASAN EKSEKUTIF

PENDAHULUAN



KARAKTER DAN CABARAN KEPADA BELIA MALAYSIA

DBM mengambil kira karakter dan cabaran yang perlu dihadapi oleh generasi belia Malaysia.




PENYATAAN DAN MATLAMAT DASAR BELIA MALAYSIA

PENYATAAN DBM:

“Memperkukuhkan dan menyerlahkan **potensi** modal insan belia sebagai **pemacu** pembangunan **strategik** negara pada **masa hadapan** berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.”

3 MATLAMAT DBM



EMPAT KONSEP DBM

KONSEP I:

HAD UMUR SETARA PIAWAIAN ANTARABANGSA



BELIA
≥15 tahun dan <30 tahun

“Individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun.”

Takrifan umur belia baharu akan dilaksanakan pada tahun 2018 bagi memberi masa yang mencukupi untuk latihan dan peralihan kepimpinan baharu serta proses pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668).

KONSEP II:

HOLISTIK DAN BERPANDUKAN PELEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

8 Kumpulan Sasaran Belia

- 1 Belia Bersekolah
- 2 Belia Pengajian Tinggi
- 3 Belia Berkerjaya
- 4 Perkumpulan Belia (a - Belia Berpersatuan & b - Kumpulan Berdasarkan Minat Khusus)
- 5 Belia Massa
- 6 Belia Malaysia Antarabangsa
- 7 Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir
- 8 Belia Berisiko

9 Bidang Keutamaan Belia

Menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa menerusi jaringan kerjasama strategik pemegang taruh berdasarkan 9 bidang keutamaan belia iaitu:

- 1 Pendidikan dan Latihan Kemahiran
- 2 Kenegaraan dan Jati Diri
- 3 Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera
- 4 Kepemimpinan
- 5 Kesukarelawanan dan Masyarakat Sipil
- 6 Keusahawanan
- 7 Penyelidikan dan Inovasi
- 8 Profesionalisme Kerja Belia
- 9 Pengiktirafan

KONSEP III:

FUTURISTIK, RELEVAN DAN TERKINI

PERANCANGAN JANGKA PANJANG

20 tahun

3 Teras DBM

Teras DBM 1: Pembangunan Belia Positif

Teras DBM 2: Dari Belia Untuk Belia

Teras DBM 3: Belia Sebagai Sumber dan Aset Negara

6 Mekanisme Penilaian



KONSEP IV:

MERENTAS PELAKSANA DAN GENERASI

Konsep Merentas Pelaksana

10 Kumpulan Pelaksana

- 1 Keluarga
- 2 Masyarakat
- 3 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
- 4 KBS dan Agensi Persekutuan
- 5 Kerajaan Negeri
- 6 Institusi Pendidikan dan Penyelidikan
- 7 Media
- 8 Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Swasta
- 9 Kepimpinan Politik
- 10 NGO Belia dan Individu Belia

Konsep Merentas Generasi


5 fasa pembangunan bagi Konsep Merentas Generasi:

Fasa 1	Institusi Perkahwinan
Fasa 2	Kanak-kanak (dari kandungan ibu sehingga 14 tahun, 0-14 tahun)
Fasa 3	Belia (≥15 dan <30 tahun)
Fasa 4	Dewasa (30 - 59 tahun)
Fasa 5	Warga Emas (≥60 tahun)

KE ARAH 2035

STRATEGI PELAKSANAAN DBM

DBM adalah panduan kepada:



Tahun 2015: tahun asas ke atas pelaksanaan Mekanisme Penilaian DBM

EKOSISTEM PENDAYAUPAYAAN BELIA

Ekosistem Pendayaupayaan Belia akan diperkukuhkan dan diserlahkan potensinya:



STRUKTUR KBS UNTUK DBM

KBS adalah sebagai penyelaras pembangunan belia. Struktur KBS dikaji semula secara keseluruhannya terutama dari segi penjenamaan semula, tenaga kerja dan sebagainya.





MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA

Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) ditubuhkan pada tahun 1971 sebagai saluran perbincangan utama antara belia Malaysia dengan kerajaan. Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan dan disertai oleh 138 ahli yang merupakan wakil-wakil daripada Majlis Belia Malaysia, kementerian-kementerian serta kerajaan negeri. Hasil perundingan akan diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri. Peranan MPBN, yang bersidang sebanyak dua kali setahun, adalah sebagai landasan badan penasihat belia yang diperakui dan selaras dengan Teras 3 DBM: Belia Sebagai Sumber dan Aset Negara di bawah Konsep III: Futuristik, Relevan dan Terkini. MPBN juga adalah sebahagian daripada Ekosistem Pendayaupayaan Belia.



BAB



PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG

PENDEKATAN





LATAR BELAKANG

Kerajaan secara berterusan komited dalam melaksanakan pelbagai dasar bagi memastikan potensi dan keupayaan generasi pelapis ini dioptimumkan sebaik mungkin agar selari dengan sumbangan dan peranan belia dalam menentukan arah tuju politik, ekonomi, sosial dan teknologi negara pada masa hadapan.

Dasar-dasar ini yang bersifat dinamik dan memandangkan ke masa hadapan akan disemak dan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa agar sesuai dengan keadaan dan waktu. Berlandaskan kepada amalan ini, Jemaah Menteri pada 9 Februari 2011 telah mengarahkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk membuat semakan dan penambahbaikan ke atas Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) 1997. Walau bagaimanapun, pernyataan dasar sedia ada perlu ditulis semula dari sudut kerangka kerja dan strategi pelaksanaan

agar relevan dengan konteks dunia pembangunan belia alaf baharu tanpa menjejaskan matlamat asas dasar yang digubal sebelumnya.

Oleh itu, berbekalkan iltizam untuk mewujudkan ruang dan peluang pembangunan belia yang seimbang dan merentas aspek sosio demografi belia, KBS telah mengambil kira pelbagai perkara dalam membuat semakan dan penambahbaikan ini antara lainnya:



keperluan pembangunan belia dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia



cabaran pembangunan belia di peringkat global




cabaran globalisasi dan liberalisasi



perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi

KRONOLOGI DASAR BERKENAAN BELIA DI MALAYSIA



Hasilnya, Dasar Belia Malaysia (DBM) telah berjaya digubal dan dilancarkan pada Hari Belia Negara 2015 yang antara lainnya:

- menterjemahkan hala tuju Program Transformasi Belia Negara yang telah diumumkan dalam ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri;
- menghuraikan strategi dan mekanisme pelaksanaan dasar-dasar utama yang menyokong program pembangunan belia di bawah KBS, agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai belia sebagai pelanggan;
- memastikan Program Transformasi Kerajaan yang merangkumi konteks pembangunan belia dapat dijayakan;
- menjadi sumber rujukan utama di kalangan semua pemegang taruh belia sama ada di peringkat penggubal atau pelaksana dasar; dan
- mewujudkan panduan serta platform penyelarasan program pembangunan belia di Malaysia merentas agensi pelaksana.



PARLIMEN BELIA MALAYSIA

Negara mencipta sejarah baru apabila Parlimen Belia Malaysia buat pertama kalinya bersidang pada 10 dan 11 Januari 2015. Parlimen Belia Malaysia adalah platform dan saluran bagi belia membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan generasi mereka dan mengenalpasti trend belia semasa. Inisiatif ini, di mana ahlinya dipilih melalui pengundian dalam talian, telah dilaksanakan berbekalkan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai lagi belia yang berkepemimpinan. Program ini adalah selaras dengan Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara yang ditekankan melalui Bidang Keutamaan Belia: Kepemimpinan.



PENDEKATAN

Dalam usaha memantapkan penghasilan DBM, KBS telah melaksanakan proses semakan semula semenjak tahun 2011, dengan dua pendekatan utama.

PENDEKATAN 1 PROSES SEMAKAN SEMULA DASAR

Meliputi empat aktiviti utama, iaitu:



PENDEKATAN 2 KOLABORASI

Kolaborasi secara terus dengan pelbagai pihak terutamanya golongan belia dan agensi kerajaan yang mempunyai belia sebagai pelanggan.

Usaha awal mewujudkan kesepaduan komitmen dalam melaksanakan DBM.

Walaupun perbezaan pendapat diraikan, kesatuan berfikir mampu diwujudkan merentas semua pemegang taruh melalui sinergi yang dihasilkan oleh pendekatan ini.

KEPUTUSAN

Hasil daripada dua pendekatan yang berpandukan MS ISO 9001:2008 Prosedur Kualiti Penggubalan/Semakan Dasar 02, draf DBM telah digubal dan dibentangkan di pelbagai platform perbincangan. Di mana, siri perbincangan di fasa akhir yang telah bersetuju dengan draf DBM adalah seperti berikut:





HARI SUKAN NEGARA

Hari Sukan Negara merupakan sambutan tahunan kebangsaan yang bakal diadakan pada hari Sabtu kedua bulan Oktober setiap tahun. Pewujudan Hari Sukan Negara diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada pembentangan belanjawan tahun 2015 dan ia merupakan satu agenda nasional ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan. Pengamalan gaya hidup sihat dan sejahtera melalui aktiviti sukan adalah salah satu Bidang Keutamaan Belia yang telah ditetapkan di bawah Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.



BAB



BELIA MALAYSIA MASA KINI

SEPINTAS LALU: STATISTIK BERKAITAN BELIA

KARAKTER BELIA MALAYSIA

CABARAN BELIA



SEPINTAS LALU: STATISTIK BERKAITAN BELIA


STATISTIK PEKERJAAN DI KALANGAN BELIA BERUMUR 15 HINGGA 30 TAHUN




BILANGAN BELIA (15 – 40 TAHUN) BERDASARKAN TAHAP PENGAJIAN (JAN 2013 – MAC 2013)



STATISTIK PENDAFTARAN PERSATUAN/PERTUBUHAN BELIA BAGI TAHUN 2013 DAN 2014



KARAKTER BELIA MALAYSIA



SUMBER: "Understanding The Anxieties and Desires of Malaysian Youth", Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2012

KARAKTER BELIA 1: BERAGAMA

Ini merupakan teras terpenting kepada generasi belia melebihi rakan-rakan, keluarga, kekayaan peribadi dan kemasyhuran. Belia Malaysia tidak sekadar menganut kepercayaan dan amalan atau ritual semata-mata tetapi menganggap agama sebagai landasan kesatuan dan kebersamaan dalam komuniti.

KARAKTER BELIA 2: CENDERUNG KE ARAH KONSERVATIF

Berpandangan agak konservatif berhubung nilai-nilai sosial dan sistem ekonomi negara. Belia Malaysia mementingkan nilai tradisi dan kekeluargaan berbanding nilai moden yang mengutamakan kebebasan individu. Mereka juga cenderung kepada penyertaan kerajaan dalam peluang ekonomi berbanding sistem persaingan berasaskan merit dan penyertaan sektor swasta.

KARAKTER BELIA 3: BERORIENTASIKAN KELUARGA

Aktiviti bersama keluarga merupakan keutamaan belia Malaysia seperti menghabiskan cuti umum dan hujung minggu berkumpul bersama keluarga. Aktiviti makan bersama keluarga dilihat sebagai aktiviti paling bermakna.

KARAKTER BELIA 4: PENGUNA YANG DINAMIK

Keutamaan perbelanjaan belia mengikut turutan keperluan ialah makan minum, komunikasi, hiburan dan pengangkutan.

KARAKTER BELIA 5: CENDERUNG KEPADA TEKNOLOGI

Belia Malaysia membesar dalam dunia teknologi alaf baharu dan merupakan golongan pertama memberi respons terhadap kemunculan pelbagai teknologi moden. Komputer riba, telefon pintar dan jalur lebar internet digunakan secara meluas oleh belia bandar dan luar bandar.

KARAKTER BELIA 6: RAJIN

Belia Malaysia rajin terlibat dalam aktiviti produktif berbanding aktiviti senggang. Di peringkat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), belia banyak memberi tumpuan kepada aktiviti pembelajaran atas kesedaran bahawa peluang yang perlu direbut untuk masa hadapan memerlukan pencapaian akademik yang tinggi.

KARAKTER BELIA 7: OPTIMIS TENTANG MASA HADAPAN YANG DISELUBUNGI KEBIMBANGAN

Belia Malaysia begitu optimis ke arah kehidupan yang lebih baik di masa hadapan. Namun, pada masa sama mereka menjangkakan bahawa kehidupan berkeluarga di masa hadapan berdepan dengan pelbagai kesukaran. Keupayaan tahap pendidikan belia dan persaingan dunia pekerjaan di masa hadapan menjadi asas kerisauan mereka.

KARAKTER BELIA 8: SEDIA UNTUK DIDEKATI

Belia Malaysia sedia untuk terdedah dengan pengetahuan baru, meluaskan jaringan perhubungan serta melakukan perkara di luar rutin harian. Penyediaan landasan yang menjurus ke arah itu begitu diharapkan oleh belia Malaysia.

PENGGUNA YANG DINAMIK

3 Juta

BELIA MENYERTAI ORGANISASI KHIDMAT-BELIA SEPERTI PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA DAN PANDU PUTERI MALAYSIA


SUMBER: "Understanding The Anxieties and Desires of Malaysian Youth", IYRES, 2012

CABARAN BELIA MALAYSIA

PENDAHULUAN

Belia Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran dalam persekitaran global yang semakin kompetitif. Malah, bibit-bibit cabaran yang telah mula berlaku pada masa kini dijangka akan memberikan cabaran berganda buat mereka pada masa hadapan sekiranya tidak diuruskan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, DBM telah menggariskan cabaran yang dihadapi golongan belia agar dasar ini berkemampuan menjadi garis panduan dalam menggubal polisi yang bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan masa kini dan masa hadapan.

SEPINTAS LALU: CABARAN BELIA MALAYSIA KINI DAN MASA HADAPAN



CABARAN

Cabaran Politik 1: Literasi Politik
Cabaran Politik 2: Kematangan Politik
Cabaran Politik 3: Kepimpinan
Cabaran Politik 4: Pemikiran Global
Cabaran Politik 5: Hubungan dalam Komuniti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Antarabangsa



Cabaran Ekonomi 1: Kos Sara Hidup
Cabaran Ekonomi 2: Budaya Keusahawanan
Cabaran Ekonomi 3: Kemahiran
Cabaran Ekonomi 4: Pekerjaan
Cabaran Ekonomi 5: Belia Miskin Bandar
Cabaran Ekonomi 6: Migrasi Semula
Cabaran Ekonomi 7: Kewangan Peribadi



Cabaran Sosial 1: Pendidikan
Cabaran Sosial 2: Gejala Sosial
Cabaran Sosial 3: Kerohanian dan Keagamaan
Cabaran Sosial 4: Nilai Murni
Cabaran Sosial 5: Jati Diri dan Perpaduan
Cabaran Sosial 6: Kesukarelawanan
Cabaran Sosial 7: Kesihatan Mental dan Fizikal
Cabaran Sosial 8: Institusi Kekeluargaan
Cabaran Sosial 9: Sentuhan Insaniah
Cabaran Sosial 10: Institusi Masyarakat



Cabaran Teknologi 1: Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Cabaran Teknologi 2: Media Digital atau Sosial
Cabaran Teknologi 3: Inovasi dan Kreativiti
Cabaran Teknologi 4: Sains dan Teknologi

CABARAN POLITIK



1. LITERASI POLITIK

Pasca 2008 telah menyaksikan perubahan yang ketara dalam landskap politik Malaysia. Kebanyakan belia mengambil pendirian non-partisan (tidak memihak) berhubung politik negara. **Literasi politik merupakan salah satu cabaran utama yang perlu ditangani pada masa hadapan atas keperluan melahirkan generasi belia sebagai warganegara Malaysia bertanggungjawab dalam menentukan kepimpinan negara.**

2. KEMATANGAN POLITIK

Kematangan golongan belia dalam menilai dan mengurus isu-isu nasional adalah penting. Ini adalah lebih kritikal memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang etnik yang memiliki banyak perbezaan. Transisi belia-dewasa yang berteraskan nilai kematangan politik yang harmoni berupaya melestarikan kesinambungan pembangunan negara dan memberi implikasi positif ke arah mewujudkan kesatuan dan kebersamaan generasi belia dalam isu-isu nasional. **Justeru, kematangan politik dalam kalangan generasi belia merupakan antara cabaran politik yang harus diberikan perhatian.**

3. KEPIMPINAN

Melahirkan bakat kepimpinan memerlukan rangka strategi yang dinamik dan terancang. Kebijaksanaan pemimpin belia dalam mengurus sesebuah organisasi adalah signifikan dalam meningkatkan keberkesanan organisasi yang dipimpin. **Oleh itu, tumpuan kepada aspek penyerlahan potensi kepimpinan belia sedia ada dan akan datang merupakan cabaran utama dalam konteks ini.**





4. PEMIKIRAN GLOBAL

Keupayaan berfikir secara global adalah kelebihan di masa hadapan bagi memastikan pencapaian negara setanding di peringkat antarabangsa. Pemikiran global adalah cabaran baru pembangunan belia di abad ke-21 dan perlu diurus berdasarkan nilai-nilai murni kesejagatan agar aliran baru pemikiran yang lahir di era pasca-modernisme serta bercanggah dengan konteks Perlembagaan Persekutuan tidak memberi implikasi negatif dalam hala tuju pembangunan belia di masa hadapan. **Oleh itu, pemikiran global dalam kalangan generasi belia mempunyai asas penting dan menjadi antara cabaran utama ke arah melahirkan bangsa Malaysia yang diiktiraf serta dihormati.**

5. HUBUNGAN DALAM KOMUNITI ASEAN DAN ANTARABANGSA

Jaringan antarabangsa golongan belia negara perlu diperluas dan diperkukuhkan ke arah meningkatkan jalinan hubungan di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini akan membolehkan golongan belia peka dan bersedia menimba pengalaman serta trend positif daripada negara lain. Kejayaan negara mengurus program pembangunan belia juga wajar dikongsi bersama dalam semangat ASEAN dan global. **Oleh itu, jaringan interaksi dalam komuniti ASEAN dan global berhubung konteks pembangunan belia dilihat merupakan cabaran politik yang harus didepani negara di dalam mengurus pembangunan belia di masa hadapan.**

“Misi Program Belia Antarabangsa KBS adalah ke arah melahirkan belia Malaysia yang mempunyai pengetahuan yang luas mengenai perkembangan serantau dan global melalui proses interaksi dan integrasi.”

CABARAN EKONOMI



46.18%


**DARI 1,825 RESPONDEN
DIDAPATI BERBELANJA
MELEBIHI PENDAPATAN**

SUMBER: Kajian Kos Sara Hidup dan Keperluan Hidup Belia Malaysia, IYRES, 2014

1. KOS SARA HIDUP

Skor Indeks Belia Malaysia 2011 mendapati bacaan skor dari segi kesejahteraan ekonomi berada pada skor 48.6 mata yakni di bawah paras baik. Isu kos sara hidup belia mengaitkan corak perbelanjaan yang terpaksa ditanggung bagi meneruskan kelangsungan hidup dengan lingkungan kos pendapatan yang diterima. Peningkatan gaji, walaupun mempunyai implikasi yang positif, bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian dalam menangani masalah kos sara hidup kerana isu ini turut dikaitkan dengan gaya kehidupan belia, teknik pengurusan kewangan dan beban hutang yang ditanggung. **Justeru, kos sara hidup merupakan antara cabaran ekonomi generasi belia yang perlu diurus dengan lebih baik di masa hadapan.**

PUNCA MUFLIS



2013: 58% muflis (20 - 40 tahun)

SUMBER: Jabatan Insolvency Malaysia, 2013

2. BUDAYA KEUSAHAWANAN

Bidang keusahawanan berperanan untuk mengurangkan kebergantungan belia dalam pasaran kerja semasa, menawarkan peluang peningkatan pendapatan dan memberi kesan positif terhadap pengangguran. Menyedari hakikat ini, pelbagai inisiatif dan prasarana keusahawanan telah disediakan oleh kerajaan bagi menggalakkan belia menceburi bidang keusahawanan. Namun demikian, bidang keusahawanan berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti persaingan, perubahan teknologi yang pantas dan kekangan tenaga mahir. **Oleh itu, penyemaian budaya keusahawanan dalam kalangan generasi belia menjadi cabaran pembangunan ekonomi belia negara di masa hadapan.**

3. KEMAHIRAN

Peningkatan keperluan guna tenaga kerja mahir bagi mencapai sasaran Malaysia menjadi sebuah negara maju dilihat sebagai sesuatu yang kritikal dalam konteks cabaran ekonomi belia. Peningkatan enrolmen Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) berserta kualiti latihan yang ditawarkan turut menjadi cabaran dalam melahirkan guna tenaga mahir belia kerana pusat latihan ini dibangunkan merentas kementerian dan beroperasi secara berasingan tanpa inisiatif *benchmark practices*. Akibatnya, piawaian dan pensijilan TEVT berbeza antara pusat latihan dan menyebabkan kekeliruan. **Justeru, melahirkan guna tenaga kerja belia yang berkemahiran di dalam memenuhi permintaan pasaran kerja pada masa hadapan dilihat antara cabaran ekonomi ke arah memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.**

4. PEKERJAAN


Masalah pengangguran merupakan cabaran ekonomi belia khususnya di kalangan lepasan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institusi TEVT. Tahap kebolehpasaran (*employability*) atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan juga dilihat sebagai satu cabaran ekonomi belia. Laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (2014) mencatatkan kadar pengangguran di Malaysia pada tahap 3.2 peratus iaitu lebih rendah berbanding beberapa negara ASEAN lain pada tahun sebelumnya. Walaupun tidak kritikal, namun **isu pekerjaan untuk belia menjadi cabaran pada masa hadapan kerana pelaburan modal insan yang tidak memanfaatkan guna tenaga kerja belia adalah merugikan negara dari sudut penghasilan produktiviti.**

BILANGAN GUNA TENAGA DI KALANGAN BELIA BERUMUR 15 HINGGA 30 TAHUN:



SUMBER: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011-2013

KATEGORI PEKERJAAN YANG DIPELOPORI OLEH BELIA



SUMBER: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013

“DI KUALA LUMPUR, GOLONGAN YANG BERUMUR ANTARA 15 DAN 40 TAHUN ADALAH SEPARUH ATAU 827,900 ORANG DARIPADA KESELURUHAN PENDUDUK.”

SUMBER: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013

5. BELIA MISKIN BANDAR

Kemiskinan bandar berlaku apabila peluang pekerjaan yang terhad mewujudkan persaingan dalam mendapatkan gaji yang lumayan, termasuklah bagi mereka yang berpendapatan baik tetapi terbeban dengan kos sara hidup yang melebihi jumlah pendapatan. Kebanyakan belia di Malaysia memilih untuk memulakan kerjaya dan tinggal di bandar. **Oleh itu, belia miskin bandar merupakan antara cabaran ekonomi belia Malaysia di masa hadapan yang perlu didepani.**

6. MIGRASI SEMULA

Kewujudan belia miskin bandar berhubung rapat dengan kesan migrasi. Migrasi sukar dihalang atau dikawal kerana ia berkait rapat dengan proses urbanisasi yang menawarkan peluang pekerjaan kepada belia. Migrasi sangat digalakkan dari sudut penyerlahan potensi jika asas migrasi cenderung ke arah itu. Namun, fenomena ini perlu diurus kerana ia boleh menimbulkan kesan negatif kepada sektor perbandaran, kesejahteraan dan kesihatan sosial belia jika persediaan sokongan tidak diatur dengan baik. Dalam konteks ini, migrasi semula merupakan antara penyelesaian alternatif yang wajar dipelopori. **Oleh itu, migrasi semula membawa cabaran ekonomi baru belia yang wajar diteliti di masa hadapan.**

7. KEWANGAN PERIBADI

Generasi belia perlu peka dan arif akan pengurusan kewangan peribadi masing-masing. Isu kewangan peribadi tidak harus disamakan dengan masalah kekurangan wang kerana pengurusan kewangan peribadi adalah berkait rapat dengan gaya kehidupan. Berbelanja mengikut keperluan perlu diutamakan berbanding berbelanja mengikut kemampuan. **Dalam persekitaran ekonomi yang semakin mencabar, pengurusan kewangan peribadi dilihat antara cabaran ekonomi belia negara yang perlu diambil perhatian di masa hadapan.**

“ Perkara yang merisaukan belia berusia 21 hingga 40 tahun akan apa yang akan berlaku pada masa hadapan adalah peningkatan beban hutang selain daripada peningkatan kes gejala sosial, peningkatan kadar jenayah, isu perkauman/keagamaan dan masalah politik.”

SUMBER: “Tinjauan Umum Mengenai Senarai Hasrat Hati, Harapan Dan Bebanan Hidup Generasi Belia”, IYRES, 2011



FESTIVAL BELIA PUTRAJAYA

Festival Belia Putrajaya adalah himpunan tahunan terbesar bagi anak muda di Malaysia. Bertujuan untuk memanfaatkan masa lapang dan memenuhi minat belia di Malaysia, Festival Belia Putrajaya telah ditambahbaik pada tahun 2014 dengan moto 'Dari Belia Untuk Belia'. Di mana, pengisian program dan pameran semasa festival ini dirancang hasil daripada kreativiti anak muda sendiri untuk tatapan anak muda yang lain. Motto "Dari Belia Untuk Belia" juga adalah merupakan Teras 2 DBM: Dari Belia Untuk Belia di bawah Konsep III: Futuristik, Relevan dan Terkini.



CABARAN SOSIAL



1. PENDIDIKAN

- Pendidikan memainkan peranan besar dalam konteks menangani **cabaran sosial belia negara masa kini yang timbul atas beberapa faktor seperti lambakan maklumat** sejajar dengan kemajuan teknologi komunikasi. Antara lainnya, pendidikan menyediakan belia satu landasan mobiliti sosial yang kukuh untuk masa hadapan. Justeru, falsafah pendidikan adalah penting untuk melahirkan generasi belia yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani di dalam mengharungi cabaran sosial pada masa hadapan.
- Walaupun sektor pendidikan diberi sokongan penuh oleh kerajaan, masih terdapat belia yang keciciran. Daripada kajian, **keciciran sememangnya akan berlaku dan ia menjadi satu cabaran** sekiranya tidak disusuli dengan tindakan komprehensif dari kerajaan.

2. GEJALA SOSIAL

- Isu gejala sosial yang mendapat liputan meluas di media massa sedikit sebanyak mempengaruhi minda segelintir masyarakat untuk menganggap belia sebagai liabiliti berbanding aset kepada negara. Ini kerana, beberapa faktor seperti kelemahan sistem kekeluargaan, pengaruh media, sistem pendidikan, daya tahan belia yang rendah dan ekonomi tidak diambil kira oleh pihak ini.
- Menyalahkan belia tanpa merawat punca permasalahan bukanlah satu tindakan yang adil. Kelemahan sedia ada perlu diatasi melalui komitmen semua pihak agar risiko penularan gejala sosial yang sememangnya mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat dan negara dapat dikurangkan. **Oleh itu, ia merupakan cabaran sosial yang dihadapi belia negara dan perlu ditangani dengan baik.**

KADAR KECICIRAN DAN PENDIDIKAN



SEKOLAH RENDAH



SEKOLAH MENENGAH

2012

4,470 orang
(0.19%)

42,846 orang
(1.93%)

2013

2,302 orang
(0.08%)

43,428 orang
(1.96%)

SUMBER: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012-2013

CONTOH MASALAH GEJALA SOSIAL DI KALANGAN BELIA

- 14,964** kelahiran anak tidak sah taraf yang melibatkan ibu yang berusia 20 tahun ke bawah pada tahun 2011
(SUMBER: Jabatan Pendaftaran Negara, 2012)
- 709** kes berkaitan rogol melibatkan suspek di bawah umur 18 tahun pada tahun 2010
(SUMBER: Polis Di Raja Malaysia, 2011)
- 4,653** orang belia antara umur 16-30 tahun dimasukkan ke penjara pada tahun 2013
(SUMBER: Jabatan Penjara Malaysia, 2013)

3. KEROHANIAN DAN KEAGAMAAN

Kajian* mendapati tahap pegangan agama khususnya di kalangan belia awal di Malaysia adalah masih rendah. Kajian itu juga mendapati walaupun agama merupakan sesuatu yang signifikan bagi belia Malaysia, namun pegangan agama harus dibuktikan dengan pengamalannya. **Oleh itu, aspek kerohanian dan keagamaan dalam diri belia Malaysia perlu diteguhkan dan menjadi sebahagian daripada cabaran sosial belia negara yang perlu diutamakan pada masa hadapan.**

*SUMBER: "Religious Stand Among Multi-Racial Early Youth in Malaysia" oleh Dzuhailemi, D., Krauss, S.E., Azimi, H. & Abd Hadi, S., 2014.

4. NILAI MURNI


Penghayatan nilai-nilai murni oleh belia penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan memiliki kelainan budaya. Kefahaman dalam diri belia untuk bertindak secara matang terhadap anasir perpecahan dan ketegangan etnik dapat diwujudkan sekiranya ada penghayatan ini, yang juga berkait rapat dengan penghayatan agama itu sendiri. Ketinggian peribadi belia Malaysia sangat bergantung kepada nilai-nilai murni yang diamalkan serta dihayati. **Oleh itu, pemupukan nilai-nilai murni terhadap generasi belia Malaysia merupakan satu usaha yang berterusan di dalam mengharungi cabaran sosial yang semakin mencabar.**

5. JATI DIRI DAN PERPADUAN

Perpaduan kaum yang dikecapi selama ini di Malaysia banyak didorong oleh nilai jati diri yang dipegang dalam masyarakat berbilang kaum. Mewujudkan jati diri nasional ke arah integrasi dan perpaduan kaum merupakan cabaran besar. Kajian* mendapati masih wujud jurang dalam meraikan kepelbagaian melibatkan generasi belia pelbagai kaum di Malaysia. Kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara di masa akan datang amat bergantung kepada nilai jati diri dan perpaduan generasi belia masa kini.

*SUMBER: "Challenges in the Social Environment Landscape: Readiness of Youth in Embracing Diversity" oleh Sulaiman, M.Y., Dzuhailemi, D., Haslinda, A., Ismi Arif, I., Azimi, H., Nobaya, A., Fazilah, I., Wendy Yee, M.T. & Banyan, S., 2013.

PENDAPAT BELIA MENGENAI ISU KESTABILAN DAN KEAMANAN



59% belia yakin dan teguh mengakui perpaduan kaum di Malaysia di tahap kukuh

34% belia menyatakan hanya sedikit unsur perpaduan masih wujud

7% belia menyatakan tidak wujud perpaduan erat


SUMBER: Kajian Pendapat Awam Isu Semasa: Kestabilan Dan Keamanan, IYRES, 2008

6. KESUKARELAWANAN

Kesukarelawan adalah satu bentuk khidmat membantu dengan hati yang tulus dan dikaitkan dengan pengorbanan masa, diri, harta atau nyawa seseorang demi manfaat kepada orang lain tanpa mengharapkan sebarang balasan. Kajian* mendapati keterlibatan belia pelbagai kaum di Malaysia dalam kerja sukarela adalah pada tahap yang rendah. Di mana, sesetengah pertubuhan belia di negara ini mempunyai pemimpin dan ahli yang berkecimpung atas maksud kepentingan peribadi. **Kajian lepas juga menunjukkan kesukarelawan masih belum menjadi budaya sebahagian besar belia di Malaysia, menjadikannya cabaran kepada belia dan negara pada masa akan datang.**

*SUMBER: "Religious Stand Among Multi-Racial Early Youth in Malaysia" oleh Dzuhailmi, D., Krauss, S.E., Azimi, H. & Abd Hadi, S., 2014.

KEANGGOTAAN BADAN BERUNIFORM SUKARELA DI KALANGAN BELIA SEHINGGA MAC 2014



SUMBER: Kementerian Dalam Negeri, 2014

7. KESIHATAN MENTAL DAN FIZIKAL

Keadaan mental dan fizikal merupakan dua komponen penting dalam mentakrifkan tahap kesihatan seseorang menurut perspektif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Dalam konteks belia, kesihatan mental dan fizikal berhubung rapat dengan gaya kehidupan individu belia tersebut. Sekiranya nilai-nilai keinsanan diabaikan, timbul kemungkinan gaya kehidupan yang tidak sihat diamalkan dan ini boleh mengundang risiko masalah kesihatan mental dan fizikal. Kesihatan mental dan fizikal belia Malaysia merupakan tunjang ke arah pembangunan negara yang seimbang. **Walaupun Indeks Belia Malaysia 2011 mencatatkan kesihatan belia Malaysia berada pada tahap yang sangat baik, namun ia dianggap sebagai satu cabaran untuk mengekalkannya di masa hadapan.**

8. INSTITUSI KEKELUARGAAN

Kegagalan institusi kekeluargaan dalam memenuhi peranannya sering dikaitkan dengan kepincangan sosioekonomi yang tidak dapat diuruskan dengan baik. Menurut kajian, kelakuan belia yang berunsur devian dan delinkuen dikaitkan dengan kegagalan institusi kekeluargaan. Bagi pasangan muda yang berumah tangga, mereka juga perlu berhadapan dengan tugas sukar mengurus sosioekonomi yang menjadi tulang belakang institusi kekeluargaan zaman ini. Kegagalan mempertahankan institusi kekeluargaan yang dibina boleh mengundang masalah penceraian. **Oleh itu, cabaran masa hadapan ialah untuk memelihara institusi kekeluargaan berdasarkan kepentingan peranannya dalam konteks pembangunan belia negara.**

KES PENCERAIAN DI KALANGAN BELIA BERUMUR 15 HINGGA 30 TAHUN



SUMBER: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2009-2013

9. SENTUHAN INSANIAH

Era globalisasi yang berorientasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi cabaran sosial belia dari sudut nilai kemanusiaan apabila ledakan ICT banyak mengubah gaya komunikasi belia-dewasa. Sosialisasi belia-dewasa dalam konteks kekeluargaan dan masyarakat di era ini sedikit demi sedikit menghakis elemen sentuhan insaniah. Kelekaan dengan pelbagai aplikasi moden ICT menyumbang kepada keterbatasan ruang komunikasi sentuhan dalam unit keluarga, walhal komunikasi yang berunsurkan sentuhan insaniah banyak memberi makna dalam nilai-nilai pendidikan. Akhirnya ikatan emosi dalam hubungan kekeluargaan terjejas. **Asasnya, nilai-nilai kemanusiaan adalah sesuatu yang fundamental dalam konteks pembangunan belia positif. Justeru, ia merupakan cabaran sosial belia dan negara yang perlu dititikberatkan pada masa hadapan.**



10. INSTITUSI MASYARAKAT

Pembangunan belia dilingkungi oleh pelbagai bentuk persekitaran seperti keluarga dan institusi masyarakat, yang merupakan antara faktor signifikan dalam memberi bimbingan kepada belia. Cabarannya, institusi masyarakat telah banyak mengalami perubahan apabila transisi masyarakat tradisional-modern berlaku dengan begitu pantas. Keperluan pembangunan belia di era ini adalah semakin kompleks. Ia tidak lagi terbatas kepada memenuhi keperluan seperti makanan dan pakaian, tetapi merangkumi keperluan lain yang menyokong pembangunan belia positif. **Oleh itu, membangunkan institusi masyarakat yang sensitif dengan keperluan pembangunan belia dilihat merupakan cabaran masa hadapan negara.** Ia tidak terhad dengan hanya mewujudkan peluang-peluang baru pembangunan belia, malah institusi masyarakat harus digembleng dengan tidak membiarkan unsur-unsur yang merosakkan hala tuju pembangunan belia negara berleluasa.

CABARAN TEKNOLOGI



1. TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

ICT merupakan wadah penting dalam menyokong pembangunan negara di era digital. ICT dalam sektor pendidikan menjadikan sistem pembelajaran dan pengajaran (P&P) lebih sistematik dan terurus. **Di mana, kaedah P&P yang sesuai dilihat menjadi cabaran teknologi kepada sektor pendidikan.** Dunia pembangunan belia pula, inisiatif pembangunan belia menjadi lebih mudah untuk diselaras dan dicapai dengan penggunaan ICT. Kekangan ICT dalam mengurus pertubuhan belia mungkin berlaku dalam era 70-an, namun tidak pada abad ini. **Oleh itu, penggunaan ICT menjadi cabaran teknologi dalam mengurus pembangunan belia negara di masa hadapan.**

2. MEDIA DIGITAL ATAU SOSIAL

Rangkaian media sosial, permainan dalam talian (*online games*), laman perkongsian video (*video-sharing sites*) dan telefon pintar (*smart phone*) begitu penting dalam kehidupan belia di abad ini. Media komunikasi begitu kuat mempengaruhi jiwa belia Malaysia dan keterbukaan maklumat adalah sinonim dengan media digital atau sosial. Umum mengetahui bahawa tidak semua maklumat dan pengetahuan yang tersebar di media digital/sosial wajar diraikan. **Oleh itu, media digital/sosial berperanan penting dalam konteks pembangunan.**

3. INOVASI DAN KREATIVITI

Penjanaan inovasi dan kreativiti merupakan ciri penting bagi Malaysia menuju status negara maju. Sebagai sebuah negara yang memiliki pelbagai sumber yang masih belum diterokai, Malaysia tidak boleh meminggirkan pencapaian inovasi dan kreativiti dalam masyarakat. Sehubungan itu, Malaysia sedang berusaha memupuk budaya inovasi dan kreativiti untuk semua dan telah mengubah struktur serta insentif bagi membentuk inovasi kreatif yang mampu menarik firma penyelidikan dan pembangunan (R & D) dari seluruh dunia. **Dalam konteks pembangunan belia dan cabaran teknologi semasa,**




belia dan masyarakat di masa hadapan. Maka, penggunaannya harus dibimbing serta dipandu dengan prinsip, etika dan kewarasan.

tumpuan negara tidak lagi terhad untuk menambahkan bilangan sumber tenaga, tetapi untuk melahirkan modal insan intelek yang berkeupayaan menjana inovasi dan kreativiti dalam pelbagai bidang. Oleh itu, belia Malaysia perlu menyahut cabaran ini bagi memastikan negara mampu bersaing di peringkat serantau dan global serta kekal relevan pada masa hadapan.

4. SAINS DAN TEKNOLOGI

Dunia sains dan teknologi yang berjalan seiring, berkembang dengan begitu pantas. **Sains dan teknologi merupakan cabaran Malaysia menuju negara maju menjelang 2020.** Oleh itu, belia sebagai pewaris negara berdepan dengan cabaran ini dan golongan ini tidak harus dilihat sekadar menjadi penonton tetapi menjadi penggerak dan penyumbang utama.



FELo PERDANA

Dilancarkan pada tahun 2013, Felo Perdana bertujuan untuk memberi peluang kepada anak muda Malaysia yang cemerlang dan berbakat menimba pengalaman secara langsung dalam urusan tadbir negara. Felo Perdana merupakan peluang keemasan bagi anak-anak muda Malaysia yang mempunyai aspirasi untuk terlibat secara langsung di dalam urustadbir kerajaan disamping menyumbang ke arah pembangunan negara. Program ini adalah selaras dengan Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara berdasarkan Bidang Keutamaan Belia: Kepemimpinan dan Teras 3 DBM: Belia Sebagai Sumber dan Aset Negara.

BAB

3

KERANGKA DAN KONSEP DASAR BELIA MALAYSIA

PENYATAAN DASAR

MATLAMAT DBM

KONSEP I : HAD UMUR SETARA PIAWAIAN ANTARABANGSA

KONSEP II : HOLISTIK DAN BERPANDUKAN PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

KONSEP III: FUTURISTIK, RELEVAN DAN TERKINI

KONSEP IV: MERENTAS PELAKSANA DAN GENERASI

RINGKASAN KONSEP DBM



PENYATAAN DASAR

“Memperkukuhkan dan menyerlahkan **potensi** modal insan belia sebagai **pemacu** pembangunan **strategik** negara pada **masa hadapan** berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara”



MATLAMAT DBM

1. Meningkatkan **keterlibatan** belia sebagai **warga bertanggungjawab** dalam inisiatif di peringkat negara, serantau dan antarabangsa
2. Menyerlahkan **potensi** setiap individu belia dengan meraikan kepelbagaian dan kelainan masing-masing
3. Memperluas **akses** kepada bidang keutamaan serta **inisiatif** pembangunan belia untuk dimanfaatkan oleh kesemua kumpulan sasaran



KONSEP

HAD UMUR SETARA PIAWAIAN ANTARABANGSA

PENDAHULUAN

HAD UMUR BELIA


RASIONAL PEMILIHAN UMUR BELIA

POPULASI BELIA



PENDAHULUAN

Konsep Had Umur Setara Piawaian Antarabangsa menentukan had umur belia adalah berlandaskan kepada keperluan memastikan segala sumber negara disepadukan dengan sebaik mungkin untuk pembangunan belia. Pada masa sama, konsep ini dapat memenuhi keperluan pembangunan negara pada masa hadapan. Di mana, keperluan ini berasaskan peremajaan kepimpinan belia, pendayaupayaan orang muda, negara muda dan selari dengan takrifan umur di peringkat antarabangsa.



BELIA

MUDA, PEMUDA DAN GOLONGAN MUDA SECARA KESELURUHANNYA BAIK LELAKI MAHUPUN WANITA

SUMBER: Kamus Dewan, 2000

HAD UMUR BELIA

Takrifan had umur belia adalah salah satu asas penting dalam mengukur keberhasilan output sebenar pencapaian belia negara. Kriteria pengukuran setara pula merupakan suatu keperluan bagi menilai tahap pencapaian belia negara di peringkat serantau, Komanwel mahupun antarabangsa.

Kesannya, timbul isu dalam mengukur pencapaian sebenar belia negara dalam konteks piawaian antarabangsa dan usaha untuk merancang keperluan pembangunan belia negara. Sehubungan itu, banyak perbincangan mengenai perkara ini telah dianjurkan di pelbagai platform dan kesimpulan yang telah diambil adalah sebagaimana berikut:

≥15 tahun

< 30 tahun

HAD UMUR BELIA DI BAWAH DBM:

“Individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun.”

Takrifan umur belia baharu akan dilaksanakan pada tahun 2018 bagi memberi masa yang mencukupi untuk latihan dan peralihan kepimpinan baharu serta proses pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668).

RASIONAL PEMILIHAN HAD UMUR BELIA

Pemilihan had umur belia di bawah DBM adalah berdasarkan kepada rasional berikut:



MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN KEPIMPINAN MASA HADAPAN NEGARA

- Ruang yang lebih luas dibuka untuk golongan belia memimpin
- Sumber negara dapat disatukan bagi membangunkan keupayaan kepimpinan belia dari peringkat awal lagi



MEMPERCEPATKAN PROSES KEMATANGAN GOLONGAN BELIA

- Cabaran masa kini dan masa hadapan terutama bagi kelompok belia awal dan pertengahan akan dapat didepani
- Segala sumber negara yang ada dapat disatukan bagi membangunkan keupayaan belia dari peringkat awal lagi



MENGURANGKAN JURANG GENERASI DI KALANGAN BELIA

- Faktor tumpuan belia merentas generasi adalah berbeza mengikut konteks keperluan
- Supaya fokus pelaksanaan program atau aktiviti belia memenuhi keperluan dan aspirasi mereka




MENGURANGKAN TINGKAH LAKU BERSIKO DALAM KELOMPOK BELIA

- Perhatian dan sumber dapat disepadukan dalam pembangunan modal insan belia
- Tumpuan penyelesaian masalah tingkah laku berisiko yang berlaku dalam kalangan belia negara akan diperhebatkan lagi



MENSTABILKAN IDENTITI DIRI BELIA

- Perkembangan identiti belia berpunca dari perubahan biologi, kognitif dan sosial. Ia mendedahkan belia kepada tingkah laku berisiko apabila berlakunya konflik emosi yang tidak terkawal semasa proses perkembangan golongan belia




MENENTUKAN PENDEKATAN YANG LEBIH SISTEMATIK KE ARAH TRANSISI BELIA-DEWASA

- Transisi belia-dewasa adalah signifikan kepada pembangunan negara di masa hadapan apabila belia dilihat sebagai kelompok penentu masa hadapan negara. Belia negara perlu berkemampuan berdepan dengan perencanaan pelbagai anasir terbuka yang menggugat keamanan dan kestabilan negara
- Pendekatan yang lebih sistematik ke arah transisi belia-dewasa yang lebih positif berasaskan keperluan kelompok umur diambil kira di bawah DBM



MEMANTAPKAN PROSES PEMBANGUNAN BELIA

- Membangunkan generasi belia yang ditandai secara individu dalam keseluruhan aspek pembangunan insan iaitu kecerdasan intelektual (IQ), kecerdasan spiritual (SQ), kecerdasan emosional (EQ) dan kecerdasan fizikal (PQ)



MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL

- Penggunaan teknologi digital memberi cabaran yang hebat terhadap gaya pemikiran dan kehidupan belia negara, di mana belia merupakan golongan pengguna teknologi digital terbesar. Dunia teknologi digital harus membawa keuntungan yang besar dalam pembangunan belia positif di masa hadapan
- Seharusnya, dunia teknologi digital ini membawa ruang dan peluang positif yang besar dalam pembangunan belia positif di masa hadapan

POPULASI BELIA

POPULASI MALAYSIA PADA TAHUN 2013

POPULASI WARGANEGARA MALAYSIA PADA TAHUN 2013




SUMBER: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013

- Bilangan populasi belia ini dalam jumlah yang bersesuaian untuk membolehkan segala sumber negara disepadukan bagi pembangunan belia.
- Peratusan populasi belia ini selari dengan peratusan populasi belia negara Komanwel iaitu pada purata 28 peratus.




- Peratusan populasi belia yang semakin menurun untuk 20 tahun akan datang (23.5 peratus pada tahun 2035) juga selari dengan purata populasi belia negara yang mencapai skor 10 terbaik dalam *Commonwealth Youth Index 2013* iaitu pada kadar 23 peratus seperti Australia, Kanada dan Korea Selatan.

AMALAN TERBAIK ANTARABANGSA



SUMBER: www.youthpolicy.org



RAKAN MUDA

Program Rakan Muda yang dilaksanakan pada tahun 1994 telah diberi suntikan nafas baru pada tahun 2015 dengan penjenamaan semula program yang kini menekankan aspek penonjolan kreativiti dan bakat golongan muda (*Showcase of Talent*). Tidak lagi dibahagikan mengikut kategori seperti Rakan Sukan atau Rakan Wajadiri, Rakan Muda kini memberikan peluang kepada belia untuk menganjurkan aktiviti yang bermanfaat kepada masyarakat, sesuai dengan konsep dari Belia Untuk Belia, di mana Kerajaan bertindak sebagai pemudahcara dengan pemberian geran untuk penganjuran aktiviti ini. Di bawah DBM, Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara melalui Bidang Keutamaan Belia: Penyelidikan dan Inovasi memberi penekanan kepada penyerlahan *inquiring mind* (perasaan ingin tahu) dan *scientific mind* (minda saintifik) ke arah penjana inovasi dan kreativiti.





KONSEP



HOLISTIK DAN BERPANDUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

PENDAHULUAN

KUMPULAN SASARAN BELIA

BIDANG KEUTAMAAN BELIA

PENDAHULUAN

DBM menentukan pembangunan belia dirangka secara holistik dan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Penumpuan diberikan kepada aspek pengukuhan dan penyerlahan potensi belia negara ke arah pembangunan belia masa hadapan yang lebih positif dan mencerminkan asas permulaan yang baik. Ini berupaya mengubah persepsi negatif sesetengah pihak yang sering menganggap belia sebagai liabiliti berbanding aset penting negara. Dalam konteks ini, DBM digubal secara holistik ke arah penyerlahan potensi belia negara yang berasaskan IQ, SQ, EQ dan PQ.

Oleh itu, konsep ini menghasilkan usaha pembangunan belia merangkumi keseluruhan belia negara yang dikategorikan dalam lapan kumpulan sasaran belia dengan aspek pengukuhan dan penyerlahan potensi modal insan belia berdasarkan sembilan bidang keutamaan belia.

8 kumpulan sasaran belia dikategorikan kepada 3 peringkat umur untuk meningkatkan capaian pelaksanaan program pembangunan belia kepada golongan sasaran yang lebih terkhusus.

KUMPULAN SASARAN BELIA

Lapan kumpulan sasaran belia dibentuk agar:

- memudahkan kumpulan pelaksana DBM mengenal pasti kelompok belia yang perlu diberi tumpuan berdasarkan fungsi masing-masing;
- memudahkan kumpulan pelaksana DBM membuat perancangan dan pelaksanaan pembangun belia yang lebih strategik; dan
- membolehkan KBS membuat penyelarasan lebih baik dengan semua pelaksana setelah mengenal pasti golongan belia yang kurang diberi perhatian namun berhadapan dengan cabaran yang tinggi dalam meneruskan kelangsungan kehidupan mereka.

- BELIA AWAL**
(15 hingga 18 tahun)
Alam Persekolahan
- BELIA PERTENGAHAN**
(19 hingga 24 tahun)
Pengajian Tinggi atau Alam Pekerjaan
- BELIA AKHIR**
(25 hingga 30 tahun).
Kebanyakannya dalam Alam Pekerjaan.





BIDANG KEUTAMAAN BELIA

“Menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa menerusi jaringan kerjasama strategik pemegang taruh berdasarkan 9 bidang keutamaan belia iaitu Pendidikan dan Latihan Kemahiran; Kenegaraan dan Jati Diri; Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera; Kepemimpinan; Kesukarelawanan dan Masyarakat Sipil; Keusahawanan; Penyelidikan dan Inovasi; Profesionalisme Kerja Belia; dan Pengiktirafan.”

Bidang Keutamaan Belia (BKB) memberikan fokus utama dalam pengukuhan dan penyerlahan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik pada masa hadapan seperti mana pernyataan di atas.

BKB ini juga adalah selari dan menyokong dengan dasar-dasar kerajaan sedia ada. Oleh itu, hubungan DBM dengan dasar-dasar kerajaan sedia ada adalah sebagai penghubung dengan pelbagai dasar kerajaan yang spesifik

untuk sesuatu bidang dan pelengkap kepada dasar-dasar kerajaan dari segi kumpulan sasaran belia.

KBS menjangkakan DBM tidak meningkatkan bebanan tugas kepada agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk melihat semula kaedah pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti bagi memastikan DBM ini dapat dilaksanakan sebagaimana yang digariskan.



1. PENDIDIKAN DAN LATIHAN KEMAHIRAN

Pendidikan dan Latihan Kemahiran memberi penekanan kepada aspek memahirkan atau membiasakan belia dengan ilmu pengetahuan dan didikan yang diterima.



1. Kemahiran Diri	merangkumi antara lainnya kesihatan reproduktif, pengurusan kewangan, perkahwinan, kekeluargaan, keibubapaan, pengurusan penjagaan dan pendidikan anak di rumah dan penjagaan kesihatan
2. Pendidikan Awal Kanak-kanak	merangkumi antara lainnya pendidikan semasa dalam kandungan ibu, di antara waktu kelahiran dan kanak-kanak berusia 4 tahun serta pendidikan prasekolah
3. Pendidikan Formal	merangkumi kurikulum dalam sistem persekolahan rendah dan menengah
4. Pengajian Tinggi	merangkumi bidang akademik, kursus profesional, kemahiran teknikal dan vokasional
5. Pendidikan Tidak Formal	merangkumi antara lainnya kokurikulum di sekolah, institusi pengajian tinggi dan institusi latihan kemahiran; aktiviti pertubuhan belia dan lain-lain pertubuhan; aktiviti masyarakat atau komuniti; aktiviti institusi keagamaan; dan sistem pondok. Di samping itu, keperluan berinteraksi atau berkomunikasi antara satu sama lain
6. Pembelajaran Sepanjang Hayat	merangkumi semua pembelajaran yang dilalui oleh seseorang individu dalam lingkungan umur 15 tahun ke atas kecuali pelajar profesional. Pelajar profesional adalah golongan pelajar yang menyertai pendidikan sepenuh masa sama ada di sekolah, institusi pengajian tinggi dan institusi latihan kemahiran dengan matlamat akan memasuki pasaran kerja buat pertama kali bagi individu tersebut
7. Sistem Sokongan	mempelbagaikan medium penyampaian pengajaran dan pembelajaran, memastikan laluan pendidikan dan kerjaya dalam pelbagai bidang kepada semua kumpulan sasaran belia, bantuan kewangan, khidmat kaunseling dan penyertaan pelbagai kumpulan pelaksana dalam pelaksanaan
8. Memperkasakan Institusi Pendidikan dan Latihan Kemahiran	mentransformasikan institusi latihan kemahiran teknikal dan vokasional selaras dengan pembangunan ekonomi negara dan memperkasakan Pusat Belia Antarabangsa sebagai pusat latihan persediaan belia bersepadu ke peringkat antarabangsa, pusat pengetahuan maklumat hal ehwal antarabangsa belia dan pusat perkumpulan Kumpulan Sasaran Belia : Belia Malaysia Antarabangsa

ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA




2. KENEGARAAN DAN JATI DIRI

Kenegaraan dan Jati Diri memberi penekanan kepada sifat atau ciri unik dan istimewa dari segi agama, adat resam, bahasa dan budaya yang menjadi teras atau lambang keperibadian individu belia atau bangsa.



1. Diri	merangkumi antara lainnya nilai keagamaan, amalan kehidupan beragama, nilai sivik, menghormati undang-undang, integriti, amanah dan bertanggungjawab
2. Etnik atau Kaum	merangkumi antara lainnya bahasa, adat, budaya, geografi, seni dan sejarah
3. Negara	merangkumi antara lainnya menghormati amalan penganut agama lain, mengenali dan memahami ciri-ciri etnik atau kaum, patriotisme, menjiwai kehidupan bernegara, berintegrasi atau berasimilasi di pelbagai peringkat masyarakat dalam dan luar negara, belia sebagai peneraju penyatuan bangsa dan keupayaan tadbir urus yang baik
4. Sistem Sokongan	merangkumi antara lainnya memulihara warisan sejarah dan pengkajian tamadun dunia dalam pelbagai sumber rujukan. Penekanan juga diberikan untuk memperkasakan institusi pembangunan dan pengukuhan kenegaraan dan jati diri bagi meningkatkan keupayaan belia daripada bersifat <i>Dependent</i> kepada bersifat <i>Independent</i> dan akhirnya <i>Interdependent</i>

ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA





PELAN TRANSFORMASI IKBN

Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang pada asalnya diwujudkan untuk memberi latihan kemahiran teknikal secara formal kepada belia lepasan sekolah telah melalui satu proses transformasi dalam meningkatkan kualiti, keupayaan dan keberkesanan institut tersebut dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi untuk keperluan pembangunan negara. Pelan Transformasi IKBN yang dilancarkan pada tahun 2014 menekankan 6 inisiatif utama untuk mencapai kebolehpasaran yang lebih tinggi, gaji pelatih yang lebih tinggi, penggunaan sumber yang efisien dan IKBN sebagai institut latihan pilihan. Pelan ini adalah selaras dengan Konsep II: Holistik dan Berpanduan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara berdasarkan Bidang Keutamaan Belia: Pendidikan dan Latihan Kemahiran dan Kumpulan Sasaran Belia: Belia Pengajian Tinggi.

KEM UNITI

Kem Uniti merupakan satu inisiatif yang dibentangkan sewaktu Bajet 2015 sebagai satu usaha untuk menyemaikan semangat perpaduan di antara anak muda Malaysia. Program berteraskan aktiviti fizikal serta modul yang direka khas akan dilaksanakan untuk menarik minat anak muda berumur 15-20 tahun dari pelbagai bangsa dan latarbelakang. Peserta-peserta juga akan membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi anak muda secara keseluruhan. Program ini adalah selaras dengan Teras 1: Pembangunan Belia Positif di bawah Konsep III: Futuristik, Relevan dan Terkini serta Bidang Keutamaan Belia: Kenegaraan dan Jati Diri di bawah Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan dan Rukun Negara.




3. GAYA HIDUP SIHAT DAN SEJAHTERA

Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera memberi penekanan kepada amalan cara hidup sihat secara fizikal, mental/emosi, sosial dan spiritual, aman dan makmur, tenang dan tenteram serta terpelihara daripada bencana.



1. Sukan	antaranya adalah berbudaya sukan, beriadah dan mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat dalam waktu senggang yang akan menyumbang kepada kesihatan fizikal
2. Kesihatan	a) Kesihatan mental / emosi: membina tingkah laku resilien, membangunkan faktor pelindung dan mengurangkan faktor risiko; b) Kesihatan sosial: pendidikan kesihatan seksual reproduktif, menjauhi tingkah laku berisiko dan membentuk individu yang bertanggungjawab terhadap terhadap kesihatan diri, keluarga dan masyarakat; dan c) Kesihatan spiritual: penerapan nilai-nilai agama yang kukuh
3. Kesejahteraan	Antara lainnya: a) Keselamatan dan keamanan: rasa selamat, aman, sentosa, tenang, tenteram dan sosialisasi politik b) Kewangan: kestabilan kewangan c) Infrastruktur: perumahan selesa dan berkualiti, penggunaan kemudahan digital media yang beretika dan lain-lain d) Flora dan fauna: mencintai alam sekitar dan haiwan e) Berbudaya membaca
4. Sistem Sokongan	merangkumi antaranya menyediakan kemudahan kesihatan yang berkualiti, mewujudkan/menguatkan persekitaran dan kemudahan sosial yang kondusif, memperkasakan institusi pembangunan kesihatan dan kesejahteraan, membentuk komuniti yang memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti belia, mempromosikan aktiviti gaya hidup sihat dan sejahtera

ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA




4. KEPEMIMPINAN

Kepemimpinan memberi penekanan kepada pembangunan keupayaan belia dari segi kebolehan daya tindak-tanduk, kecekapan dan pencapaian sebagai pemimpin.



1. Pembangunan Ciri-ciri Kepemimpinan Unggul	menyentuh antara lainnya sifat matang belia yang menggabungkan konsep sabar dalam Islam dan konsep proaktif dalam perspektif Barat dan sifat negarawan yang dibangunkan dari awal
2. Pembangunan Ciri-ciri Kepengikutan (Followership) Efektif	menyentuh antara lainnya menghasilkan sekumpulan pengikut yang taat, berkebolehan, berpengetahuan dan menyokong keupayaan pemimpin dalam memimpin organisasi bagi mencapai objektif penubuhannya
3. Kategori Kepimpinan	melibatkan antara lainnya individu, keluarga, sekolah, institusi pengajian tinggi atau institusi latihan kemahiran, komuniti atau masyarakat, perniagaan, sektor awam atau swasta, NGO, politik, negara dan antarabangsa
4. Pengukuhan Organisasi Belia	membangunkan antara lainnya Lembaga Penasihat Pertubuhan bagi melaksanakan tugas sebagai pembimbing atau penasihat (yang arif dan berpengalaman) dalam pelbagai bidang, Alumni Pertubuhan Belia bagi memantapkan jaringan kerjasama dengan kelompok dewasa dan warga emas
5. Sistem Sokongan	merangkumi antara lainnya: a) medium pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai, latihan dan bimbingan kepemimpinan, memantapkan laluan penglibatan dan pendedahan kepimpinan belia yang menyeluruh dan pengkajian kualiti kepemimpinan dalam kepelbagaian tamadun dunia; dan b) memperkasakan Akademi Pembangunan Belia Malaysia Port Dickson sebagai pusat latihan dan bimbingan, rujukan dan penyelidikan kepemimpinan belia dalam dan luar negara

ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA





FITMALAYSIA

FitMalaysia adalah satu gelombang massa Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara bersukan dengan rakyatnya menghayati dan mengamalkan gaya hidup sihat. Di bawah FitMalaysia, konsep kecergasan serta sukan diperluaskan lagi dan ia meletakkan asas kepada “Malaysia: A Sporting Nation”. FitMalaysia juga bukan sekadar gerakan yang menjadi wadah mempromosikan gaya hidup sihat tetapi juga mampu menyatupadukan rakyat. FitMalaysia adalah selaras dengan Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara melalui Bidang Keutamaan Belia: Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera.



ANUGERAH REMAJA PERDANA

Program Anugerah Remaja Perdana telah mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 2001. Program ini diadaptasi daripada Program Duke of Edinburgh's Award yang telah diperkenalkan di United Kingdom pada tahun 1956. Ianya adalah satu wadah bagi memberi sokongan dan semangat kepada golongan remaja di dalam menanamkan nilai-nilai murni bagi mencapai personaliti unggul. Program ini terbuka kepada semua remaja berumur di antara 14-25 tahun dengan tiga tahap pencapaian iaitu Gangsa, Perak dan Emas. Ia melibatkan empat kategori wajib iaitu Khidmat Masyarakat, Rekreasi Fizikal, Kemahiran dan Pengembaraan. KBS bertindak sebagai badan berkuasa bagi Anugerah ini di peringkat kebangsaan. Program ini adalah selaras dengan Teras 1 DBM: Pembangunan Belia Positif dan Konsep II: Holistik dan Berpanduan Perlembagaan dan Rukun Negara yang melibatkan Bidang Keutamaan Belia: Pengiktirafan.

5. KESUKARELAWANAN DAN MASYARAKAT SIVIL

Kesukarelawan dan Masyarakat Sipil memberi penekanan kepada segala hal yang berkaitan dengan penyertaan secara sukarela dalam membentuk masyarakat yang tidak perlunya penguatkuasaan undang-undang bagi mengamalkan gaya hidup positif.



1. Pembudayaan Kesukarelaan	melibatkan antara lainya usaha berterusan membentuk dan mengekalkan semangat untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku positif yang bermanfaat kepada masyarakat dari awal lagi
2. Kategori Aktiviti Kesukarelaan	melibatkan antara lainya aktiviti kemasyarakatan atau kebajikan, kecemasan atau bencana, kesihatan, sukan, alam sekitar, penerangan atau dakwah, akademik atau kemahiran, bidang politik, keselamatan atau keamanan, digital media, kepenggunaan sejarah dan <i>numerator</i> (penyangka atau pembilang)
3. Peringkat Kesukarelaan	meliputi peringkat keluarga, komuniti atau masyarakat, sekolah, institusi pengajian tinggi atau institusi latihan kemahiran, dalam negeri, luar negeri atau antarabangsa
4. Sistem Sokongan	merangkumi antara lainya: a) mempelbagaikan medium pengajaran dan pembelajaran, memantapkan laluan penglibatan dan pendedahan kesukarelaan, latihan dan bimbingan kesukarelaan, bank data kesukarelaan belia, pemantauan atas talian dalam merekodkan kerja-kerja kesukarelaan, promosi aktiviti kesukarelaan; b) mewujudkan pusat latihan kesukarelawan belia, pusat pengetahuan maklumat hal ehwal kesukarelaan belia dan pusat gerakan belia dalam operasi kesukarelaan; dan c) usaha untuk mengantarabangsakan Malaysian Youth Volunteers (MyCorps) sebagai laluan penyertaan belia dalam bidang kesukarelaan peringkat antarabangsa dan memperkasakan institusi kesukarelaan dalam pelbagai kategori dan peringkat


6. KEUSAHAWANAN

Keusahawanan memberi penekanan kepada segala kegiatan dan kemahiran berkaitan dengan aspek keusahawanan.




1. Pembangunan Ciri-ciri Keusahawanan	merangkumi antara lainya membangunkan ciri-ciri keusahawanan berjaya yang tidak terhad kepada mereka yang menceburi bidang perniagaan
2. Pembudayaan Keusahawanan	merangkumi antara lainya penerapan sedari awal ke atas golongan belia yang ingin menceburi bidang keusahawanan dan belia yang bekerja dalam sektor awam dan swasta akan konsep keusahawanan menerusi pelbagai bentuk aktiviti termasuk permainan keusahawanan seperti Catur Bestari, sosialisasi keusahawanan dan memahami konsep keberkatan rezeki
3. Penggalakan Aktiviti Keusahawanan Sosial	merangkumi antara lainya menyokong dan menyediakan persekitaran kondusif untuk belia melaksanakan sesuatu aktiviti perniagaan yang berorientasikan keuntungan dengan matlamat akhirnya memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya
4. Sistem Sokongan Bersepadu	a) meliputi antara lainya mengukuhkan latihan dan bimbingan keusahawanan termasuk inkubator usahawan, membimbing, menasihati, mempelbagaikan medium pengajaran dan pembelajaran, membangunkan bank data keusahawanan belia, pepadanan perniagaan, mengenal pasti kecenderungan nilai keusahawanan, penyelidikan dan pembangunan produk, memantapkan laluan penglibatan dan pendedahan keusahawanan yang menyeluruh, promosi aktiviti keusahawanan dan bantuan pembiayaan perniagaan; dan b) memperkasakan Akademi Pembangunan Belia Malaysia Batu Gajah sebagai pusat latihan dan bimbingan, rujukan dan penyelidikan keusahawanan belia

ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA



ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA





MYCORPS

Aktiviti kesukarelawan di peringkat antarabangsa akan diterajui KBS melalui projek MyCorps. MyCorps yang dirancang berlandaskan modul operasi Peace Corps di Amerika Syarikat akan memberi peluang kepada belia Malaysia untuk melaksanakan khidmat sosial di luar negara dalam melaksanakan impak yang mampan kepada masyarakat yang dibantu. KBS akan terus memberikan sokongan kepada kumpulan-kumpulan belia yang menjalankan khidmat masyarakat dan menggalakkan aktiviti kesukarelawanan. Aspek kesukarelawanan adalah selaras dengan Bidang Keutamaan Belia: Kesukarelawanan di bawah Konsep II: Holistik dan Berpanduan Perlembagaan dan Rukun Negara.

NEW AFFIRMATIVE ACTION MOVEMENT (NAAM)

Objektif utama NAAM adalah untuk meningkatkan ekonomi belia kaum India melalui penyediaan peluang latihan kemahiran insaniah, teknikal, komputer, dan produktiviti. Matlamat akhir NAAM adalah untuk mewujudkan 100,000 belia India yang berkemahiran dan berkeupayaan untuk menjana pendapatan yang mampan. Antara program perintis utama di bawah NAAM adalah di dalam bidang pertanian ke arah mewujudkan lebih ramai usahawan belia tani yang berjaya bagi produk-produk seperti cili, pisang, dan bunga melur. Program ini adalah selaras dengan Teras 1: Pembangunan Belia Positif di bawah Konsep III: Futuristik, Relevan dan Terkini serta Bidang Keutamaan Belia: Keusahawanan dan Kumpulan Sasaran Belia di bawah Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan dan Rukun Negara.




7. PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Penyelidikan dan Inovasi memberi penekanan kepada penyerlahan *inquiring mind* (perasaan ingin tahu) dan *scientific mind* (minda saintifik) ke arah penjanaaan inovasi dan kreativiti.



1. Belia Bermaklumat	antara lainnya dengan memperbanyakkan penerbitan bahan bacaan dan ilmiah tempatan dan dipasarkan dalam dan luar negara dan menggalakkan belia mendapatkan maklumat yang bermanfaat
2. Kajian Mengenai Belia Dalam Pelbagai Disiplin Pengajian Berdasarkan Bidang Keutamaan Belia	merangkumi antara lainnya pengumpulan, penyelarasan dan perkongsian data belia dalam pelbagai bidang dan sektor, pelaksanaan penilaian DBM secara sistematik dan menyeluruh, menggalakkan lebih banyak kajian mengenai belia diadakan dengan pelbagai kaedah kajian seperti saintifik atau bukan saintifik, indeks dan <i>longitudinal</i>
3. Sistem Sokongan Penyelidikan dan Inovasi	Antara lainnya: a) mewujudkan perpustakaan mesra belia untuk menggalakkan belia bermaklumat, menyediakan sistem sokongan pengkajian belia, persidangan belia tahunan sebagai ruang perkongsian maklumat kajian dan buah fikiran, latihan dan bimbingan, promosi dan pembiayaan penyelidikan dan harta intelek, meningkatkan penglibatan belia dalam program dan pertandingan inovasi dalam dan luar negara serta laluan sokongan untuk menggalakkan belia berinovasi dan berkeaktiviti; dan b) memperkasakan peranan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sebagai pusat rujukan penyelidikan pembangunan belia dalam pelbagai bidang dalam dan luar negara serta <i>focal point</i> bagi statistik dan data mengenai belia, memperkasakan kumpulan <i>think tank</i> IYRES sebagai kumpulan pemikir DBM dan memperkasakan agensi pembangunan inovasi.

ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA




8. PROFESIONALISME KERJA BELIA

Profesionalisme Kerja Belia merupakan bidang baru yang memberi fokus utama dalam membangunkan keupayaan dan kompetensi Kumpulan Pelaksana Belia dalam hal berkaitan belia. Ini bertujuan supaya pihak pelaksana pembangunan belia berkeupayaan memastikan segala pelaksanaan DBM sebenar-benarnya memenuhi keperluan pembangunan belia dan menyumbang kepada pembangunan strategik negara di masa hadapan.



1. Tahap Kompetensi Profesional Kerja Belia	meningkatkan tahap pekerja belia ke peringkat profesional melalui program latihan khusus yang mendapat pentauliahan antara lainnya daripada pihak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan pihak berkaitan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, menetapkan standard kompetensi yang betul dalam mengenal pasti modul latihan pembangunan profesionalisme kerja belia, meningkatkan profesionalisme kerja belia secara holistik dalam bidang pembangunan belia dan melahirkan pekerja belia yang profesional dan mempunyai kebolehpayaan dan kebertanggungjawaban dalam pembangunan belia
2. Sistem Sokongan	merangkumi antara lainnya pembangunan modul-modul latihan yang lebih spesifik dalam skop pembangunan dan pengupayaan belia, membangunkan persekitaran profesionalisme kerja belia yang kondusif dan melibatkan 10 Kumpulan Pelaksana DBM

ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA




9. PENGIKTIRAFAN

Pengiktirafan memberi penekanan kepada usaha mengiktiraf sumbangan belia dalam pembangunan negara tanpa menidakkan sumbangan daripada golongan lain. Bidang ini sebagai panduan merujuk kepada aspek-aspek seperti masyarakat menyayangi, menghargai dan meraikan kepelbagaian golongan belia dan mengamalkan budaya mengiktiraf sumbangan belia dalam pelbagai bidang dalam bentuk rasmi mahupun tidak rasmi. Di samping itu, bidang ini menekankan agar belia menunjukkan penghormatan kepada golongan yang lebih dewasa dan mengasihi golongan yang lebih muda dan kanak-kanak. Selain itu, pengiktirafan belia juga boleh dibuat berdasarkan Bidang Keutamaan Belia.



ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN DENGAN BIDANG KEUTAMAAN BELIA





PERSIDANGAN PEMIMPIN MUDA ANTARABANGSA

Persidangan Pemimpin Muda Antarabangsa atau International Conference of Young Leaders (ICYL) telah pertama kali dianjurkan pada bulan Mac 2015 di Putra World Trade Centre (PWTC) bertemakan keusahawanan sosial. Seramai lebih 1,000 peserta daripada serata dunia telah mendengar dan belajar daripada tokoh-tokoh usahawan sosial antarabangsa. Persidangan tahunan ini akan menjadi platform bagi belia Malaysia berinteraksi dan berkongsi pendapat dengan belia-belia dari luar negara tentang cabaran terkini yang dihadapi belia sejagat. Persidangan ini adalah selaras dengan Teras 1 DBM: Pembangunan Belia Positif dan gabungan Bidang Keutamaan Belia: Kepemimpinan dan Keusahawanan.

PROGRAM ANGKAT DAN UPAYA (PADU)

PADU bertujuan untuk memperkukuh dan mengupaya potensi positif generasi muda melalui usaha menangani masalah jenayah di kalangan belia di negara ini. Di samping itu, program ini adalah bagi mengurangkan gejala merekrut generasi muda untuk menjadi gengster atau penjenayah. Oleh itu, program ini akan melibatkan para belia dengan pengisian aktiviti bermanfaat, pemberian sokongan emosi dan pembangunan potensi atau bakat positif belia. Program ini dijalankan oleh Pekerja Belia yang dilantik secara kontrak dan bertindak sebagai fasilitator untuk membimbing para belia yang terlibat. Sasaran peserta untuk program ini adalah generasi muda yang berumur antara 15 hingga 17 tahun. Program ini adalah selaras dengan Kumpulan Sasaran Belia: Belia Berisiko di bawah Konsep II: Holistik dan Berpanduan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dan Teras 2 DBM: Dari Belia Untuk Belia.



KONSEP



FUTURISTIK, RELEVAN DAN TERKINI

PENDAHULUAN

TERAS DBM 1

TERAS DBM 2

TERAS DBM 3

MEKANISME PENILAIAN



PENDAHULUAN

Konsep ini menekankan elemen pengukuhan dan penyerlahan potensi belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan. Paradigma dunia pembangunan belia mengalami perubahan yang pantas. Oleh itu, perancangan mengurus pembangunan belia perlu responsif kepada jangkaan keperluan dan cabaran masa hadapan belia. DBM sebagai manual hala tuju pembangunan belia negara perlu bersifat futuristik, dinamik dan berpandangan jauh. Segala perancangan pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti bagi mendepani sesuatu cabaran akan lebih mudah ditentukan dengan kadar kejayaan lebih tinggi apabila jangkauan pemikiran dan penglihatan bersifat jangka panjang. Oleh itu, konsep ini dizahir menerusi:

- 1) pembentukan tiga Teras DBM yang merupakan jangkaan impak ke atas pelaksanaan DBM bagi tempoh 20 tahun akan datang; dan
- 2) Mekanisme Penilaian DBM.

“DBM ini adalah suatu dasar yang melihat masa hadapan secara jangka panjang sekurang-kurangnya untuk tempoh 20 tahun mendatang. Pada masa yang sama, pelaksanaan pembangunan belia hendaklah sentiasa **relevan** dan **terkini** dengan keperluan semasa belia.”



TERAS DBM 1: PEMBANGUNAN BELIA POSITIF

Pembangunan Belia Positif adalah satu pendekatan yang mengiktiraf potensi belia, dibangunkan melalui cara yang positif dan bersesuaian dengan potensi di mana belia berada dan dibahagikan kepada dua asas iaitu:

- 1) Mencapai Matlamat 8C; dan
- 2) Pembangunan Kesejahteraan Aset Belia Malaysia

ASAS 1, TERAS DBM 1: PEMBANGUNAN BELIA POSITIF – MENCAPAI MATLAMAT 8C

Mencapai Matlamat 8C dibentuk berdasarkan keperluan pembangunan belia di Malaysia. Ciri-ciri yang perlu ada pada golongan belia dalam mencapai matlamat ini adalah sebagaimana di bawah:

 CARING (PENYAYANG) melahirkan generasi belia yang bersifat penyayang serta belas kasihan terhadap golongan yang lebih dewasa, kanak-kanak, golongan yang memerlukan, haiwan dan alam sekitar	 COMPETENT (CEKAP) melahirkan generasi belia yang cekap, berkecayaan serta berkebolehan menjalankan tugas dengan sempurna dalam pelbagai bidang antara lainnya akademik, sosial, emosional dan vokasional	 CHARACTER (PERWATAKAN) melahirkan generasi belia yang bercirikan nilai positif, berintegriti serta mempunyai nilai moral yang kukuh	 CONFIDENT (KEYAKINAN) melahirkan generasi belia yang mempunyai keyakinan terhadap identiti diri
 COOPERATION (KERJASAMA) meluaskan jaringan hubungan atau kerjasama belia dalam konteks pembangunan belia dengan pihak tertentu	 CONSIDERATE (BERTIMBANG RASA) melahirkan generasi belia yang mempunyai perasaan bertimbang rasa tanpa mengira perbezaan latar belakang sesuatu kaum mahupun agama	 COMPETITIVE (KOMPETITIF) melahirkan generasi belia yang kompetitif dengan memberi ruang yang lebih besar kepada belia untuk memainkan peranan yang aktif dalam proses pembangunan Negara supaya dapat mendepani cabaran dengan tenang dan bijaksana	 CONTRIBUTION (SUMBANGAN) melahirkan generasi belia yang menyumbang sesuatu yang positif kepada keluarga, sekolah atau institusi pengajian, kejuruan dan masyarakat. Melalui sumbangan yang dihulurkan belia berpeluang untuk mempraktikkan 7C sebelumnya



TRANSFORMASI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)

Kerajaan telah melaksanakan transformasi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada tahun 2015 yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan serta impak positif inisiatif tersebut. Selain penekanan kepada aspek kenegaraan, nilai-nilai murni, jatidiri, perpaduan dan integrasi, modul PLKN akan ditambahbaik dengan elemen pembangunan kemahiran ke arah meningkatkan kebolehpasaran, keusahawanan serta pembangunan holistik para pelatih. Objektif penambahbaikan ini adalah bagi membentuk dan melengkapkan para pelatih dengan pelbagai kemahiran ke arah memastikan potensi landasan kerjaya yang lebih kukuh pada masa hadapan. Selain daripada penambahbaikan modul, transformasi dari aspek kejurulatihan, prasarana, penjenamaan serta pemerkasaan rangkaian alumni PLKN akan turut dilaksanakan ke arah mencapai keberhasilan yang komprehensif dan menyeluruh. Program ini adalah gabungan Bidang Keutamaan Belia: Pendidikan dan Latihan Kemahiran dan Kenegaraan dan Jati Diri serta Kumpulan Sasaran Belia di bawah Konsep II: Holistik dan Berpanduan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Ia turut melibatkan Teras 1: Pembangunan Belia Positif di bawah Konsep III: Futuristik, Relevan dan Terkini.

ASAS 2, TERAS DBM 1: PEMBANGUNAN BELIA POSITIF – PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN ASET BELIA MALAYSIA

Asas ini bertujuan melahirkan generasi belia yang sihat, penyayang dan bertanggungjawab. Ia mengandungi 48 elemen aset belia yang disesuaikan dengan keperluan negara. Kesemua elemen ini disusun berdasarkan 10 domain utama yang dikategorikan kepada dua aset iaitu:

ASET LUARAN

SOKONGAN

- 1) Sokongan Keluarga
- 2) Komunikasi Keluarga Positif
- 3) Hubungan Dengan Orang Dewasa Lain
- 4) Kejiranan Prihatin
- 5) Iklim Sekolah Prihatin (Guru)
- 6) Iklim Sekolah Prihatin (Rakan)
- 7) Iklim Sekolah Prihatin (Sekolah Penggalak Penyertaan)
- 8) Iklim Sekolah Prihatin (Keselamatan, Persekitaran Mesra)
- 9) Penglibatan Ibu Bapa Di Sekolah

PENDAYAUPAYAAN

- 10) Masyarakat Menilai Belia
- 11) Belia Sebagai Sumber
- 12) Keselamatan

BATASAN DAN JANGKAAN

- 13) Batasan Keluarga
- 14) Batasan Sekolah
- 15) Batasan Kejiranan
- 16) Rol Model Orang Dewasa
- 17) Pengaruh Rakan Sebaya Positif
- 18) Jangkaan Tinggi

PENGUNAAN MASA KONSTRUKTIF

- 19) Aktiviti Kreatif
- 20) Program Belia
- 21) Keagamaan
- 22) Masa Bersama Rakan Di Luar Rumah

ASET DALAMAN

KOMITMEN PEMBELAJARAN

- 23) Motivasi Pencapaian
- 24) Penglibatan Sekolah
- 25) Kerja Rumah
- 26) Keeratan Kepada Sekolah
- 27) Membaca Untuk Keseronokan

NILAI POSITIF

- 28) Prihatin
- 29) Keadilan Sosial
- 30) Integriti
- 31) Jujur
- 32) Tanggungjawab
- 33) Sabar

KOMPETENSI SOSIAL

- 34) Merancang Dan Membuat Keputusan
- 35) Kompetensi Interpersonal
- 36) Kompetensi Budaya
- 37) Kemahiran Menghadapi Rintangan
- 38) Pemikiran Sivik
- 39) Penyelesaian Konflik Secara Aman

IDENTITI POSITIF

- 40) Kuasa Personal
- 41) Harga Diri
- 42) Rasa Bertujuan
- 43) Pandangan Positif Masa Hadapan Peribadi

AMALAN GAYA HIDUP SIHAT

- 44) Tabiat Pemakanan
- 45) Tidur
- 46) Kebersihan Diri
- 47) Senaman

KEAGAMAAN

- 48) Amalan Keagamaan

TERAS DBM 2: DARI BELIA UNTUK BELIA

Teras ini merupakan suatu proses berterusan bagi meningkatkan kapasiti kesejahteraan hidup komuniti belia dengan memanfaatkan pelbagai sumber melalui penghasilan bersama. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan penyertaan belia sebagai warganegara dalam menyumbang kepada pembangunan negara melalui peningkatan penyertaan belia dalam komuniti.

Antaranya ialah pelaksanaan aktiviti atau program, ahli kalangan belia dilantik sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan

Kampung (JKKK), Ahli Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Ahli Lembaga Pelawat Hospital, Ahli Lembaga Pelawat Agensi Antidadah Kebangsaan, Ahli Lembaga Pelawat Institusi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ahli jawatankuasa masjid atau surau dan institusi keagamaan lain serta lain-lain institusi masyarakat.

Oleh itu, Teras DBM 2: Dari Belia Untuk Belia adalah berasaskan kepada 5 elemen utama, iaitu:

TINGKAT PENYERTAAN WARGANEGARA

DBM mengukur pencapaian tingkat penyertaan belia sebagai warganegara di dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Di mana, penyertaan golongan ini sebagai rakan pembangunan perlu berlaku pada tahap yang optimum di peringkat perkongsian, delegasi dan kawalan

MEMANFAATKAN PELBAGAI SUMBER DAN PENGHASILAN BERSAMA

Elemen ini adalah berteraskan input pelbagai sumber dan penghasilan secara bersama. Ia melibatkan penajaan idea belia melalui pendekatan *crowdsourcing* merentas faktor demografi. *Crowdsourcing* merupakan alternatif penyelesaian masalah yang tidak hanya bergantung kepada kepandaian sesetengah pihak sahaja. Dalam konteks DBM, ia bertujuan bagi mencari kaedah terbaik mengurus pembangunan belia negara di masa hadapan

PENDAYAUPAYAAN

Pendayaupayaan adalah satu proses berterusan bagi meningkatkan kapasiti kesejahteraan hidup dengan menggunakan sumber kuasa yang boleh dikawal oleh komuniti itu sendiri. Dalam konteks ini, skop penggubalan dan pelaksanaan DBM adalah berasaskan teknik pendayaupayaan komuniti belia negara. Ia bagi memastikan potensi belia negara berjaya diserlahkan seiring pelaksanaan DBM

PENGLIBATAN

Elemen ini melibatkan belia sebagai pemegang taruh utama. Penglibatan belia dalam proses pembentukan dasar sehingga kepada pelaksanaan dasar merupakan pendekatan asas yang diguna pakai. Ia bagi memastikan supaya tidak ada kumpulan belia mahupun individu belia secara perseorangan yang tercicir daripada skop pelaksanaan DBM

PENYERTAAN

Elemen penyertaan belia penting di dalam proses pembentukan dan pelaksanaan DBM. Ia bertujuan bagi mewujudkan perasaan hak milik bersama dalam kalangan generasi belia negara terhadap DBM. Perasaan ini berupaya mempengaruhi pemikiran, sikap dan perlakuan belia berhubung hala tuju masa hadapan mereka seperti yang dihasratkan DBM



KURSUS KEPIMPINAN – PERALIHAN KE 2018

Salah satu usaha di bawah DBM adalah untuk meremajakan kepimpinan belia dengan hasrat untuk mendaya upayakan orang muda dalam memenuhi keperluan pembangunan negara pada masa hadapan. Pada masa ini, majoriti kepimpinan pertubuhan belia adalah terdiri daripada mereka yang melebihi umur 30 tahun. Oleh itu, terdapat keperluan kritikal untuk menyediakan barisan pelapis kepimpinan pertubuhan belia yang berumur di bawah 30 tahun agar proses peralihan kepimpinan menjelang tahun 2018 berjalan lancar. Sehubungan itu, KBS akan menyediakan Kursus Kepimpinan khusus untuk menyediakan barisan pelapis kepimpinan pertubuhan belia agar mereka bersedia menahuti cabaran negara dalam perkara ini di samping melaksanakan tanggungjawab utama mereka dalam membangunkan belia pada masa hadapan dengan lebih berkesan. Usaha ini adalah selaras dengan Konsep I: Had Umur Setara Piawaian Antarabangsa dan Bidang Keutamaan Belia: Kepemimpinan di bawah Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.



TERAS DBM 3: BELIA SEBAGAI SUMBER DAN ASET NEGARA

Teras ini bertujuan untuk menyediakan generasi belia sebagai sumber dan aset kepada negara. Berdasarkan perspektif ini, DBM memberi penekanan kepada penyelesaian jangka panjang, mengenal pasti keperluan dan mereka bentuk dasar yang dapat mengukuh dan menyerlahkan potensi belia sebagai warganegara. Pada masa yang sama, DBM juga membuka ruang untuk masyarakat memperoleh manfaat tertinggi daripada penghasilan keintelektualan belia.

Teras DBM ini menggariskan 11 petunjuk yang memberikan panduan kepada kumpulan pelaksana dalam menggambarkan golongan belia adalah aset dan bukannya liabiliti kepada negara, seperti berikut:



PENDIDIKAN
TIDAK FORMAL



DASAR LATIHAN
BELIA



BADAN
PENASIHAT BELIA



PERUNDANGAN
BELIA



DASAR
MAKLUMAT BELIA



DASAR PELBAGAI
PERINGKAT



PENYELIDIKAN
BELIA



PENYERTAAN
BELIA



KERJASAMA
ANTARA
KEMENTERIAN



INOVASI



DANA
PEMBANGUNAN
BELIA



PENDIDIKAN TIDAK FORMAL

Pendidikan tidak formal merupakan aktiviti pendidikan yang sistematik dan tersusun di luar kerangka sistem formal. Dalam konteks belia sebagai sumber dan aset negara, pendidikan tidak formal bertujuan melatih golongan belia tertentu berdasarkan keperluan dan aspirasi mereka. Ia juga pelengkap kepada pendidikan formal generasi belia Malaysia. Selain itu, petunjuk ini harus dilihat sebagai mempromosikan NGO belia yang aktif dan mantap dengan bercirikan demokrasi, terbuka dan melibatkan penyertaan golongan belia.



DASAR LATIHAN BELIA

Petunjuk ini membuka ruang dan peluang latihan kemahiran dalam pelbagai bidang kepada semua golongan belia. Di samping itu, latihan kepada profesional kerja belia harus dititikberatkan agar dapat memberi kesan berganda kepada pembangunan belia. Oleh itu, latihan belia sangat berperanan dalam memperkasakan belia dan sebagai syarat penting menstrukturkan dan memantapkan sektor NGO.



BADAN PENASIHAT BELIA

Majlis Perundingan Belia di pelbagai peringkat yang diwujudkan adalah berperanan sebagai penasihat dan pemantau kepada program pembangunan belia yang dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana, NGO dan pemegang taruh yang lain di pelbagai peringkat. Ini demi memastikan program pembangunan belia tersebut dapat mengukuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai sumber dan aset negara.



PERUNDANGAN BELIA

Memperkuh kerangka kerja perundangan pembangunan dan pendayaupayaan belia dengan memperluaskan akta-akta berkaitan pembangunan belia. Ia juga dapat mengiktiraf dan meningkatkan penglibatan belia dalam ekosistem pembuatan keputusan kerajaan yang melibatkan isu belia.



DASAR MAKLUMAT BELIA

Memperkasakan belia menerusi usaha melengkapkan mereka dengan maklumat terperinci dan telus dalam pelbagai bidang yang merentas generasi dan pelaksana. Ini membolehkan golongan belia membuat tafsiran dan menyaring maklumat yang tepat sahaja untuk keperluan pengukuhan dan penyerlahan potensi mereka.



DASAR PELBAGAI PERINGKAT

Dasar-dasar yang digariskan oleh kerajaan kini mampu menjana belia menjadi sumber dan aset negara kelak. Ia menerangkan dengan terperinci keadaan dan kerjasama yang jitu daripada pelbagai peringkat pentadbiran kerajaan dan masyarakat. Teras DBM akan lebih mudah tercapai apabila pelaksanaannya turut memberi fokus kepada keperluan tempatan dengan penglibatan aktif struktur pentadbiran di peringkat tempatan.



PENYELIDIKAN BELIA

Dalam konteks Teras ini, penyelidikan yang menyasarkan golongan belia merupakan keperluan penting dan berterusan. Ia bertujuan bagi memastikan pengetahuan baru yang dibuktikan (*new tested knowledge*) berhubung pembangunan belia terhasil. Pada masa yang sama, ia turut menjadi asas kepada perancangan mengurus pembangunan belia negara.



INOVASI

Inovasi merupakan kebolehan menghasilkan sesuatu produk atau perkhidmatan melalui idea penyelesaian kreatif bagi tujuan penambahbaikan. Elemen inovasi perlu menjadi petunjuk penting pembangunan belia negara. Penjanaan budaya inovasi secara berterusan berupaya melahirkan belia sebagai sumber dan aset yang sentiasa menyumbang kepada pembangunan negara.



PENYERTAAN BELIA

Perspektif pembangunan belia yang melihat belia sebagai sumber dan aset memerlukan penyertaan belia itu sendiri di dalam setiap peringkat pembuatan keputusan. Kesannya, perasaan hak milik (*ownership*) berhubung senario pembangunan belia berupaya diserapkan dalam pemikiran belia. Ia berupaya membentuk sikap dan tingkah laku yang rasional dan responsif terhadap sesuatu yang dikaitkan dengan mereka.



DANA PEMBANGUNAN BELIA

Dana atau sumber kewangan mampu memperkasakan golongan belia yang dinamik dan bersemangat waja untuk mencungkil potensi mereka sepenuhnya melalui inisiatif pembangunan belia. Ia mampu menjadikan belia sebagai sumber dan aset Negara dalam mengetengahkan impian, idea serta kreativiti mereka melalui projek, perniagaan serta pembangunan yang mereka cipta. Di mana, dana ini tidak hanya berada di KBS, malah dana ini berada di semua agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan belia. Seterusnya, dana-dana ini dipertingkatkan nilainya dengan sumbangan daripada pelbagai sumber di kalangan pelaksana-pelaksana pembangunan belia termasuklah agensi swasta.



KERJASAMA ANTARA KEMENTERIAN

Dasar belia yang dinamik dan komprehensif akan mengutarakan keperluan belia dalam pelbagai lapangan. Pendekatan merentas pelaksana amat diperlukan dalam melaksanakan dasar belia. Ini bermakna soal pembangunan belia adalah tanggungjawab bersama dan hasil kerjasama erat semua pelaksana terutama agensi kerajaan dalam pelbagai sektor seperti belia, sosial, ekonomi, pendidikan, pertahanan, keselamatan, hubungan antarabangsa dan pertanian. Petunjuk ini juga selari dengan pelaksanaan agenda Kerajaan menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Oleh itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan atau memantapkan platform perbincangan antara agensi untuk bersama dalam pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan dasar belia.

MEKANISME PENILAIAN DBM

Mekanisme Penilaian DBM dirancang bagi memastikan segala pelaksanaan DBM yang melihat masa hadapan sentiasa relevan dan terkini dalam memenuhi keperluan pembangunan belia semasa. Pada masa ini, Mekanisme Penilaian menetapkan 6 penilaian utama:



AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (APBM), PORT DICKSON

Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) di Port Dickson merupakan institusi latihan yang bermatlamat untuk memantapkan modal insan belia di dalam bidang kepimpinan. Aspirasi ini secara langsung mendukung matlamat kerajaan ke arah pengukuhan sumber manusia belia, pembentukan kepimpinan pelapis serta penglibatan generasi muda selaku penggerak masyarakat dan agen pemangkin pembangunan negara. Dalam pada itu, APBM akan dinaiktarafkan secara fizikal dan program serta modul latihan di perkasa mengikut amalan terbaik antarabangsa, ke arah mewujudkan institusi latihan kepimpinan yang unggul dan bertaraf global. Aspirasi ini adalah selaras dengan Teras 3 DBM: Belia Sebagai Sumber dan Aset Negara di bawah Konsep III: Futuristik, Relevan dan Terkini dan Bidang Keutamaan Belia: Kepemimpinan di bawah Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.





KONSEP

IV

MERENTAS PELAKSANA DAN GENERASI

PENDAHULUAN

KONSEP MERENTAS PELAKSANA

KONSEP MERENTAS GENERASI

PENDAHULUAN

2 KONSEP STRATEGI

KONSEP MERENTAS PELAKSANA:
di mana KBS adalah penyelaras pembangunan belia dan tidak bertindak secara sendirian. Pada masa yang sama, Agensi Kerajaan Persekutuan peringkat negeri dan daerah didayaupayakan bagi memastikan pelaksanaan DBM sampai ke peringkat tersebut.

KONSEP MERENTAS GENERASI:
dirangka atas keperluan untuk melihat pembangunan belia ini secara keseluruhan merentasi fasa pembangunan manusia dan selari dengan hasrat DBM yang menetapkan usaha pembangunan seseorang individu ketika belia adalah pada peringkat memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia.

KONSEP MERENTAS PELAKSANA

Konsep Merentas Pelaksana merupakan ketetapan DBM untuk memastikan pembangunan belia di negara ini adalah secara bersama berdasarkan fungsi dan keupayaan setiap pelaksana. Pelaksanaan secara bersama ini akan membolehkan pengintegrasian dan perkongsian sumber-sumber yang ada serta mengukuhkan lagi pelaksanaan dasar kerajaan berkaitan Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) dan Program Transformasi Kerajaan.

Sehubungan itu, DBM telah mengenal pasti 10 kumpulan pelaksana ataupun pemegang taruh ke atas pembangunan belia iaitu:





KELUARGA

termasuk antara lainnya keluarga asas, keluarga luas dan Persatuan Ibu Bapa & Guru Nasional (PIBGN)



MASYARAKAT

meliputi antaranya jiran, Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), persatuan penduduk, Rukun Tetangga, institusi keagamaan, Lembaga Pelawat Hospital dan Lembaga Pelawat Institusi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)



KERAJAAN NEGERI

termasuklah di antaranya Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun Negeri



KBS DAN AGENSI PERSEKUTUAN

meliputi antaranya agensi pusat, kementerian-kementerian, badan-badan berkanun persekutuan, agensi pembangunan wilayah (Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak), badan pengurusan pasukan sukarelawan (Askar Wataniah, Pasukan Simpanan Tentera Laut, Bomba Sukarela, Sukarelawan Polis, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia)



KEPIMPINAN POLITIK

termasuklah antaranya Anggota Pentadbiran, Senator (Dewan Negara), Ahli Parlimen (Dewan Rakyat), Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan



INSTITUSI PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN

meliputi antaranya pra sekolah, sekolah, sekolah pondok, institusi pengajian tinggi, institusi latihan kemahiran, institusi latihan profesional, Malaysian Institute of Economic Research (MIER), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Lembaga Pembangunan Penduduk & Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia, Malaysian Foresight Institute (MyForesight) dan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)



NGO

termasuklah antara lainnya pertubuhan bukan kerajaan selain daripada NGO belia, persatuan sukan, badan beruniform (seperti Persekutuan Pengakap Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pandu Puteri Malaysia, St. John Ambulance of Malaysia dan badan beruniform sekolah) dan badan politik



SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN DAN SWASTA

meliputi antaranya syarikat pelaburan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1968 termasuk syarikat berhad menurut jaminan, perniagaan berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1957, koperasi di bawah Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), dewan-dewan perniagaan dan pertubuhan pemerbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952



MEDIA

termasuklah antaranya media elektronik, media cetak dan media sosial



NGO BELIA DAN INDIVIDU BELIA

Merangkumi 8 Kumpulan Sasaran Belia

KBS SEBAGAI PENYELARAS PEMBANGUNAN BELIA

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Februari 2011 telah memutuskan untuk KBS menjadi penyelaras bagi semua kementerian dan agensi dalam bidang kepakaran belia dan tidak bertindak secara bersendirian. Suatu jawatankuasa akan ditubuhkan bagi merancang, menyelaras, melaksanakan, memantau dan menilai program dan

aktiviti setiap Bidang Keutamaan Belia. Jawatankuasa ini akan dikenali sebagai Jawatankuasa Bidang Keutamaan Belia dengan dipengerusi dan diurussetiakan oleh KBS dan dilaksanakan secara berkala. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB).

PENDAYAUPAYAAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN PERINGKAT NEGERI DAN DAERAH

Pendayaupayaan Agensi Kerajaan Persekutuan peringkat negeri dan daerah seharusnya dilakukan bagi memastikan pelaksanaan DBM sampai ke peringkat negeri dan daerah. Di mana, agensi ini seharusnya memfokuskan peranan mereka dalam penyelarasan, pemantauan dan penilaian (serta pelaporan) peringkat negeri atau daerah; pembimbing, penasihat, pemudah cara kepada belia; dan menjadi sumber rujukan ke atas maklumat mengenai belia. Walau bagaimanapun, satu garis panduan yang mendefinisikan pelaksanaan program belia secara jelas hendaklah dikeluarkan bagi membolehkan asas yang diletakkan di bawah Teras DBM tercapai. Selain itu, pendayaupayaan

ini akan melibatkan penyelarasan pelaksanaan DBM di peringkat negeri dan daerah dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Belia Negeri. Jawatankuasa ini akan menggabungkan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dalam pembangunan belia untuk merancang, menyelaras, melaksanakan, memantau dan menilai program dan aktiviti pembangunan belia peringkat negeri dan daerah. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio belia dan sukan dan diurussetiakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta dilaksanakan secara berkala.

PENDAYAUPAYAAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN PERINGKAT NEGERI / DAERAH

Belia – Pelaksana program belia

Program belia: berkeperluan tempatan/negara, pendekatan *bottom-up/top-bottom*, sokongan pembangunan belia, *Youth Adult Partnership*

Jabatan di peringkat Negeri dan Daerah – penyelarasan, pemantauan dan penilaian (pelaporan) peringkat negeri/daerah, pembimbing/penasihat + pemudah cara + mentor + *coach* kepada belia, tempat rujukan kepada maklumat mengenai belia

Sokongan kepada fungsi Jabatan di peringkat Negeri dan Daerah – Latihan semula dan Bimbingan (Bidang Keutamaan Belia : Profesionalisme Kerja Belia), KPI, panduan pelaksanaan fungsi, peruntukan kewangan yang bersesuaian



YOUTH COLLECTIVE

Program *Youth Collective* melibatkan penganjuran bazaar yang memberi ruang dan peluang kepada golongan belia untuk melaksanakan aktiviti keusahawanan. Dalam masa yang sama, inisiatif ini memberi pengiktirafan terhadap bakat, potensi dan kreativiti golongan belia dalam pelbagai aspek yang diceburi. Program ini bukan sahaja menyokong pembangunan usahawan muda tetapi juga menjadi landasan untuk menemukan minda muda-mudi terbaik untuk bertukar fikiran dan pengalaman agar semuanya dapat maju bersama. Program ini adalah selaras dengan gabungan Bidang Keutamaan Belia: Keusahawanan dan Penyelidikan dan Inovasi di bawah Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

KONSEP MERENTAS GENERASI

Pada masa ini, usaha pembangunan belia memberi tumpuan ke atas mereka yang terkelompok di bawah takrifan belia dengan mengambil kira peralihan transisi kehidupan belia ini. Tambahan pula, DPBN 1997 menetapkan fokus utama pelaksanaan program pembangunan belia ke atas belia yang berumur di antara 18 dan 24 tahun.

Hakikatnya, tempoh belia ini merupakan tempoh yang berada di persimpangan kehidupan di antara tempoh kanak-kanak dan dewasa. Ini menjadikan pembentukan watak seseorang individu ketika belia sangat dipengaruhi persekitaran yang dilalui semasa tempoh kanak-kanak dan usaha seseorang individu tersebut dalam pencarian hala tuju kehidupan untuk mendepani alam dewasa.

Terdapat keperluan yang kritikal untuk melihat pembangunan belia tidak bermula dan berakhir ketika umur belia dan usaha pembangunan seseorang individu yang ditetapkan ketika belia adalah pada peringkat memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia.

Sehubungan itu, satu konsep baru dibangunkan, iaitu Konsep Merentas Generasi, di mana segala perancangan program pembangunan belia hendaklah melihat perkembangan yang berlaku semasa tempoh pra belia sehingga pasca belia masa kini dan masa hadapan supaya dapat memenuhi keperluan bagi setiap kumpulan sasaran belia DBM.

PERALIHAN TRANSISI KEHIDUPAN BELIA

Peralihan daripada menjadi pelajar di peringkat pendidikan menengah dan pengajian tinggi kepada bekerja; peralihan daripada bekerja makan gaji kepada menjadi usahawan; peralihan daripada status bujang kepada status berkahwin dan peralihan daripada belum mempunyai anak kepada mempunyai anak.

SUMBER: Makmal Transformasi Pembangunan Belia, 2010

“Konsep Merentas Generasi adalah proses pembangunan modal insan belia secara strategik dan sistematik yang melibatkan keseluruhan pembangunan generasi meliputi pra belia, belia dan pasca belia, dengan fasa-fasa tertentu. DBM juga adalah pelengkap dan penghubung dasar-dasar kerajaan sedia ada yang berkaitan dengan pembangunan generasi.”

Terdapat keperluan yang mendesak untuk merangka dan menyusun atur laluan pembangunan generasi ini dari awal hingga ke akhir. Ini bagi mengenal pasti sebarang halangan, cabaran dan penggunaan sumber dengan tidak efisien yang dijangka dihadapi di sepanjang laluan tersebut agar sebarang tindakan pembetulan atau penambahbaikan lebih awal dapat dilaksanakan.

FASA-FASA DI BAWAH KONSEP MERENTASI GENERASI

Pembangunan modal insan di setiap fasa di bawah ini hendaklah berintegrasi dan saling berhubungan.

FASA 1: INSTITUSI PERKAHWINAN

Bermula ketika pemilihan pasangan untuk berkahwin, proses perkahwinan dan pasca perkahwinan

FASA 2: KANAK-KANAK

Melibatkan golongan kanak-kanak yang bermula daripada dalam kandungan ibunya sehingga berusia 14 tahun

FASA 3: BELIA

“Individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun”
Fokus utama DBM - 8 Kumpulan Sasaran Belia

FASA 4: DEWASA

Pada waktu seseorang berumur 30 tahun sehingga sebelum mencapai umur warga emas


Fasa 5: WARGA EMAS

Umur 60 tahun ke atas



Daripada perspektif pembangunan belia, segala usaha yang dilakukan dalam tempoh seseorang itu berumur belia adalah dianggap sebagai Strategi Penggalakan. Dalam memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi belia pula, tindak tanduk yang dilakukan sebelum Fasa Belia adalah dikategorikan sebagai Strategi Intervensi. Manakala, kesan daripada Pelaksanaan Strategi Penggalakan dan Intervensi akan dapat dilihat pada ketika umur dewasa dan warga emas yang mana sebarang usaha penambahbaikan diistilahkan sebagai Strategi Pasca Belia.

ANALISA KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN BERKAITAN PEMBANGUNAN GENERASI



Konsep Merentas Pelaksana dan Generasi DBM ini dijangka akan memberi kesan terhadap pelaksanaan pembangunan belia. Di mana, kumpulan pelaksana perlu bersedia untuk:

- Konsep Merentas Pelaksana dan Generasi DBM ini dijangka akan memberi kesan terhadap pelaksanaan pembangunan belia. Di mana, kumpulan pelaksana perlu bersedia untuk:
- a) menerima golongan kanak-kanak menjadi belia impian negara;
 - b) membina generasi belia masa hadapan oleh belia menerusi strategi intervensi bermula daripada pemilihan pasangan untuk berkahwin dan membina keluarga;
 - c) mendapatkan semula semua golongan belia yang berada di luar 'sistem' supaya turut merasakan mereka memberikan sumbangan positif kepada negara dalam pelbagai bidang; dan
 - d) menyediakan golongan belia untuk menjadi golongan dewasa dan warga emas yang sentiasa aktif memberikan nilai tambah kepada negara dalam pelbagai sektor kehidupan.



PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA

Persidangan Meja Bulat yang dianjurkan secara berkala oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan platform yang bertindak sebagai pemangkin dalam menjana idea intelektual golongan muda dalam menangani pelbagai isu semasa yang melibatkan orang muda. Melalui landasan ini, idea, pendapat serta pandangan golongan belia dapat didengari dan dikaji oleh pemegang taruh yang berkaitan. Oleh itu, kerajaan dapat menyelami serta mendalami keperluan, kehendak dan denyut nadi golongan belia. Sebagai golongan pewaris negara, usaha ini adalah penting dalam memastikan golongan belia sama-sama terlibat dan menyumbang kepada agenda pembangunan negara. Aktiviti ini adalah selaras dengan Teras 2 DBM: Dari Belia untuk Belia di bawah Konsep III: Futuristik, Relevan dan Terkini dan Bidang Keutamaan Belia : Penyelidikan dan Inovasi di bawah Konsep II: Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

RINGKASAN KONSEP DBM

KONSEP I: HAD UMUR SETARA PIAWAIAN ANTARABANGSA

Konsep had umur belia yang setara dengan piawaian antarabangsa menentukan agar had umur belia yang akan ditetapkan dapat memenuhi keperluan pembangunan negara pada masa hadapan. Di mana, keperluan ini berasaskan peremajaan kepimpinan belia, pendayaupayaan orang muda, negara muda dan selari dengan takrifan umur di peringkat antarabangsa.

HAD UMUR BELIA DI BAWAH DBM

Individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun

RASIONAL PEMILIHAN HAD UMUR BELIA

- memastikan kesinambungan kepimpinan masa hadapan
- mengurangkan jurang generasi di kalangan belia
- mempercepatkan proses kematangan golongan belia
- mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kelompok belia
- menstabilkan identiti diri belia
- memantapkan proses pembangunan belia
- menentukan pendekatan yang lebih sistematik ke arah transisi belia-dewasa
- merupakan pengguna teknologi digital terbesar

POPULASI PENDUDUK BELIA MALAYSIA

Bilangan populasi penduduk belia adalah dalam jumlah yang sesuai untuk membolehkan segala sumber negara disepadukan bagi pembangunan belia.

AMALAN TERBAIK ANTARABANGSA

Didapati kebanyakan negara dunia menetapkan had umur belia mereka di bawah 30 tahun termasuk penetapan yang dibuat oleh pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Komanwel.

KONSEP II: HOLISTIK DAN BERPANDUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

Memberi tumpuan kepada aspek pengukuhan dan penyerlahan potensi belia negara ke arah pembangunan belia masa hadapan yang lebih positif dan mencerminkan asas permulaan yang baik. Ia juga adalah untuk mengubah persepsi negatif sesetengah pihak yang sering menganggap belia sebagai liabiliti berbanding aset penting negara. Dalam konteks ini, DBM digubal secara holistik ke arah penyerlahan potensi belia negara yang berasaskan kecerdasan intelektual, sahsiah, emosi dan fizikal.

KUMPULAN SASARAN BELIA

8 kumpulan sasaran belia dibentuk agar memudahkan kumpulan pelaksana DBM membuat perancangan dan pelaksanaan.

1. Belia Bersekolah
2. Belia Pengajian Tinggi
3. Belia Berkerjaya
4. Perkumpulan Belia
 - Belia Berpersatuan
 - Kumpulan Berdasarkan Minat Khusus
5. Belia Massa
6. Belia Malaysia Antarabangsa
7. Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir
8. Belia Berisiko

BIDANG KEUTAMAAN BELIA (BKB)

Menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa menerusi jaringan kerjasama strategik pemegang taruh berdasarkan 9 bidang keutamaan belia.

BKB 1: Pendidikan Dan Latihan Kemahiran

Kemahiran Diri, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan Formal, Pengajian Tinggi, Pendidikan Tidak Formal, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Sistem Sokongan dan Memperkasakan Institusi Pendidikan dan Latihan Kemahiran

BKB 2: Kenegaraan dan Jati Diri

Diri, Etnik atau Kaum, Negara, Sistem Sokongan

BKB 3: Gaya Hidup sihat dan Sejahtera

Sukan, Kesihatan, Kesejahteraan, Sistem Sokongan

BKB 4: Kepemimpinan

Pembangunan Ciri-Ciri Kepemimpinan Unggul, Pembangunan Ciri-Ciri Kepengikutan, Kategori Kepimpinan, Pengukuhan Organisasi Belia, Sistem Sokongan

BKB 5: Kesukarelawanan dan Masyarakat Sipil

Pembudayaan Kesukarelaan, Kategori Aktiviti Kesukarelaan, Peringkat Kesukarelaan, Sistem Sokongan

BKB 6: Keusahawanan

Pembangunan Ciri-Ciri Keusahawanan, Pembudayaan Keusahawanan, Penggalakan Aktiviti Keusahawanan Sosial, Sistem Sokongan Bersepadu

BKB 7: Penyelidikan dan Inovasi

Pembudayaan Kesukarelaan, Kategori Aktiviti Kesukarelaan, Peringkat Kesukarelaan, Sistem Sokongan

BKB 8: Profesionalisme Kerja Belia

Tahap Kompetensi Profesional Kerja Belia, Sistem Sokongan

BKB 9: Pengiktirafan

Memberi penekanan kepada mengiktiraf sumbangan belia dalam pembangunan negara tanpa menidakkan sumbangan daripada golongan lain

BKB ini juga adalah selari dan menyokong dasar-dasar kerajaan sedia ada. Justeru, DBM adalah penghubung dan pelengkap kepada dasar-dasar yang berkaitan dengan belia.

KONSEP III: FUTURISTIK, RELEVAN DAN TERKINI

Menekankan elemen pengukuhan dan penyerlahan potensi belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan. Ia juga menekankan keperluan pemikiran dan penglihatan bersifat jangka panjang, dengan pelaksanaan pembangunan belia yang sentiasa relevan dan terkini mengikut keperluan semasa belia. Teras DBM dirangka sebagai jangkaan impak ke atas pelaksanaan DBM bagi tempoh 20 tahun akan datang.

PERANCANGAN JANGKA PANJANG 20 TAHUN

TERAS DBM 1: PEMBANGUNAN BELIA POSITIF

Pendekatan yang mengiktiraf potensi belia yang terbahagi kepada dua asas utama, iaitu:

Asas 1: Mencapai Matlamat 8C

Caring (Penyayang), Competent (Cekap), Character (Perwatakan), Confident (Keyakinan), Cooperation (Kerjasama), Considerate (Bertimbang Rasa), Competitive (Kompetitif), Contribution (Sumbangan)

Asas 2: Pembangunan Kesejahteraan Aset Belia Malaysia

Aset Luaran: Sokongan, Pendayaupayaan, Batasan dan Jangkaan, Penggunaan Masa Konstruktif

Aset Dalaman: Komitmen Pembelajaran, Nilai Positif, Kompetensi Sosial, Identiti Positif, Amalan Gaya Hidup Sihat, Keagamaan

TERAS DBM 2: DARI BELIA UNTUK BELIA

Satu proses berterusan bagi meningkatkan kapasiti kesejahteraan hidup komuniti belia dengan memanfaatkan pelbagai sumber melalui penghasilan bersama dan seterusnya meningkatkan penyertaan belia sebagai warganegara melalui peningkatan penyertaan belia dalam komuniti

Elemen 1: Tingkat Penyertaan Warganegara

Elemen 2: Memanfaatkan Pelbagai Sumber dan Penghasilan Bersama

Elemen 3: Pendayaupayaan

Elemen 4: Penglibatan

Elemen 5: Penyertaan

TERAS DBM 3: BELIA SEBAGAI SUMBER DAN ASET NEGARA

11 petunjuk digariskan untuk memberi panduan kepada kumpulan pelaksana dalam menggambarkan golongan belia adalah aset dan bukannya liabiliti kepada negara. Petunjuk-petunjuk tersebut adalah:

1. Pendidikan Tidak Formal
2. Dasar Latihan Belia
3. Badan Penasihat Belia
4. Perundangan Belia
5. Dasar Maklumat Belia
6. Dasar Pelbagai Peringkat
7. Penyelidikan Belia
8. Penyertaan Belia
9. Kerjasama Antara Kementerian
10. Inovasi
11. Dana Pembangunan Belia

MEKANISME PENILAIAN

Untuk memastikan segala perlaksanaan DBM sentiasa relevan dan terkini. 6 penilaian utama telah ditetapkan iaitu:

1. Indeks Belia Malaysia
2. Kajian Pembangunan Kesejahteraan Aset Belia Malaysia
3. Penilaian Pembangunan Belia Positif 8C
4. Penilaian 11 Petunjuk Belia Sebagai Sumber dan Aset Negara
5. Penilaian ke atas 9 Bidang Keutamaan Belia
6. Perbandingan dengan belia di peringkat antarabangsa

KONSEP IV: MERENTAS PELAKSANA DAN GENERASI

Konsep Merentas Pelaksana dan Generasi ini merupakan satu konsep strategi dan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan DBM.

KONSEP MERENTAS PELAKSANA

Konsep ini merupakan satu ketetapan DBM untuk melihat pembangunan belia adalah secara bersama berdasarkan fungsi dan keupayaan setiap pelaksana. Pengintegrasian dan perkongsian sumber-sumber yang ada dijangka akan berlaku. 10 kumpulan pelaksana telah dikenal pasti, iaitu:

1. Keluarga
2. Masyarakat
3. NGO
4. KBS dan Agensi Persekutuan
5. Kerajaan Negeri
6. Institusi Pendidikan dan Penyelidikan
7. Media
8. Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Swasta
9. Kepimpinan Politik
10. NGO Belia dan Individu Belia

KBS SEBAGAI PENYELARAS PEMBANGUNAN BELIA

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Februari 2011 telah memutuskan untuk KBS menjadi penyelarar bagi semua kementerian dan agensi dalam bidang kepakaran belia dan tidak bertindak secara bersendirian.

KONSEP MERENTAS GENERASI

Konsep ini merujuk kepada proses pembangunan modal insan belia secara strategik yang melibatkan keseluruhan pembangunan generasi meliputi pra belia, belia dan pasca belia dengan melibatkan 5 fasa, iaitu:

FASA 1 Institusi Perkahwinan

FASA 2 Kanak-kanak (dari kandungan ibu sehingga 14 tahun, 0-14 tahun)

FASA 3 Belia (≥15 dan <30 tahun)

FASA 4 Dewasa (30 - 59 tahun)

FASA 5 Warga Emas (≥60 tahun)

Konsep ini menghubungkan dan melengkapkan secara menyeluruh dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan generasi.

BAB

4

KE ARAH 2035

STRATEGI PELAKSANAAN DBM

PENGUKUHAN DAN PENYERLAHAN POTENSI
MENERUSI EKOSISTEM PENDAYAUPAYAAN BELIA

STRUKTUR KBS SEBAGAI PENYELARAS PEMBANGUNAN BELIA



STRATEGI PELAKSANAAN DBM

Mengambil kira belia adalah golongan yang dinamik, DBM tidak menyediakan sebarang pelan strategi khusus untuk dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan. Sebaliknya, DBM berfungsi sebagai panduan dalam penghasilan Pelan Strategi Pelaksanaan DBM yang akan selari dengan perancangan rancangan pembangunan negara iaitu Rancangan Malaysia Lima Tahun bermula daripada Rancangan Malaysia Ke 11 hingga 14 (RMK11 - RMK14). Seterusnya, diikuti penzahiran dalam perancangan secara lebih spesifik di peringkat pelan strategik Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan pembangunan belia.

Pelan Strategi Pelaksanaan DBM ini yang akan disediakan setiap lima tahun akan memastikan strategi pelaksanaan DBM sentiasa relevan dan terkini dengan keperluan belia semasa tanpa mengabaikan jangkaan impak yang disasarkan di bawah Teras DBM.

Pada masa yang sama, KBS juga menyediakan Pelan Pelaksanaan DBM bagi tempoh 20 tahun untuk memandu gerak kerja pelaksanaan DBM supaya dapat menjangkau jangkaan impak Teras DBM.



PENGUKUHAN DAN PENYERLAHAN POTENSI MENERUSI EKOSISTEM PENDAYAUPAYAAN BELIA

Ekosistem pendayaupayaan belia ini adalah salah satu faktor kritikal dalam menentukan kejayaan strategi dan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan DBM. Dalam melangkah ke hadapan, ekosistem ini akan diperkukuhkan dan diserlahkan potensinya agar hasrat DBM untuk membuka ruang yang lebih luas kepada golongan belia untuk bersama-sama menyumbang dalam pembangunan negara tercapai.

EKOSISTEM PENDAYAUPAYAAN BELIA MASA KINI

Sebelum ini, perbincangan secara langsung pihak kerajaan dengan golongan belia dilaksanakan melalui Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Hasil perbincangan dan perundingan di Majlis ini dimaklumkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri menerusi Nota Jemaah Menteri. Di samping itu, KBS telah mendapatkan kerjasama padu daripada pihak berkuasa negeri untuk meluaskan pelaksanaan MPBN ke peringkat negeri dan daerah agar golongan belia peringkat akar umbi turut mendapatkan peluang yang sama menyampaikan sebarang pandangan, cadangan dan idea mereka. Oleh itu, hasil perundingan di peringkat daerah dan negeri yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan akan dibawa untuk dibincangkan dan dirundingkan di peringkat MPBN. Maka dengan ini, suatu ekosistem pendayaupayaan belia telah sedia wujud di negara ini.

Hubungan langsung ini melibatkan peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah menerusi Arahan Nombor 1, 2010 Majlis Tindakan Negara dan mekanisme penyelarasan pembangunan belia sedia ada iaitu di peringkat Persekutuan adalah Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia manakala di peringkat penyelarasan Persekutuan-Negeri adalah menerusi Mesyuarat Penyelarasan Exco Pembangunan Belia dan Sukan

Pemerkasaan ini adalah di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah, di mana terdapat keperluan di peringkat Persekutuan untuk mewujudkan Jawatankuasa Bidang Keutamaan Belia. Penyelarasan di peringkat negeri dan daerah pula melibatkan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Belia Negeri

Terdapat keperluan untuk mengadakan persidangan tahunan yang akan meningkatkan kefahaman para pelaksana akan hal ehwal pembangunan belia, sebagai ruang perkongsian hasil penyelidikan dan maklumat terbaru berkenaan pembangunan belia dan sebagai ruang perbincangan intelektual dalam hal ehwal belia



KBS telah membuat analisa semasa (*current practice*) peranan bahagian, jabatan atau agensi KBS dan cadangan carta fungsi KBS yang baru mengikut bidang keutamaan belia. KBS juga telah mendalami pelbagai perkara yang perlu diperhalusi bagi mendepani cabaran pelaksanaan DBM, seperti antara lainnya paradigma, budaya kerja, prosedur kerja, peraturan (pekeliling) dan pensijilan dalam kerja belia, tahap keupayaan dan kompetensi profesionalisme kerja belia di kalangan para pegawai KBS.

BAB

5

PENUTUP

DBM SEPINTAS LALU

KESIMPULAN



DBM SEPINTAS LALU



KESIMPULAN

Cabaran pembangunan belia di peringkat global dan keperluan pembangunan belia dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia sememangnya memerlukan strategi yang dinamik dan komprehensif serta mampu membawa generasi belia negara mara ke hadapan dengan semangat dan keyakinan yang tinggi. Tambahan pula, cabaran globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang amat pantas masa kini menuntut semua pihak agar mampu bertindak pantas dalam memberikan maklum balas yang semestinya relevan dan membawa kesan positif kepada belia.

DBM ini terhasil daripada pelbagai proses semakan dan perbincangan yang mengambil kira pandangan semua agensi pelaksana dan pemegang taruh, terutamanya daripada kelompok belia. Di mana, DBM merupakan suatu dasar negara yang menekankan aspek penyerlahan potensi belia dengan mengukuhkan keupayaan dan potensi mereka untuk mendepani cabaran dalam kehidupan masa kini dan masa hadapan. Di samping itu, penyertaan belia akan dipertingkatkan dalam pembuatan keputusan yang akan memberi kesan kepada kehidupan mereka di masa hadapan di bawah DBM.

KBS percaya dengan sokongan padu daripada semua pihak, usaha untuk melaksanakan apa yang telah dinyatakan dalam DBM akan dapat dilaksanakan dengan sebaik

mungkin. Ini sudah pastinya akan turut menyumbang kepada pencapaian matlamat Program Transformasi Kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan belia. Dengan kesungguhan dan komitmen tinggi semua pihak, nafas baru yang ditiup oleh DBM pastinya akan menyemarakkan lagi pembangunan generasi penentu masa hadapan negara dan menjadi pemangkin bagi mereka untuk mencatatkan pencapaian yang setara dengan kelompok belia di peringkat antarabangsa, tanpa mengeneipkan nilai-nilai yang menjadi pegangan dan panduan kita selama ini.



Hakcipta terpelihara.
Semua hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan buku ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara-cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Diterbitkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62570 Putrajaya

Tel: 03-8871 3333 Faks: 03-8888 8763 laman web: www.kbs.gov.my

Hakcipta © 2015 oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia



9 789671 340202